



**UCAPAN BAJET NEGERI MELAKA
TAHUN 2015**

**Oleh
YAB DATUK SERI Ir. (DR) HJ IDRIS BIN HJ HARON
KETUA MENTERI MELAKA**

**KETIKA MEMBENTANGKAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2015) 2014**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
PADA ISNIN, 10 NOVEMBER 2014**

“MEMANTAP EKONOMI, MENSEJAHTERA RAKYAT”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

SALAM SEJAHTERA, SALAM 1 MALAYSIA;

SALAM MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG;

NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU;

MELAKA 752 TAHUN DAN MELAKA MAJU FASA KE-II.

YANG BERTHORMAT DATUK WIRA SPEAKER;

SAYA MOHON MENCADANGKAN SUPAYA RANG UNDANG-UNDANG BERTAJUK “SUATU ENAKMEN PERBEKALAN (2015) 2014 UNTUK MEMBOLEHKAN KEGUNAAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI MAKSUD PERBELANJAAN PENGURUSAN TAHUN 2015” DIBACA BAGI KALI KEDUA.

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER;

MUQADDIMAH

1. SAYA MULAKAN UCAPAN BAJET TAHUN 2015 INI DENGAN MENYEBUT KALIMAH MULIA BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA MENJULANG SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT SERTA SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SAW, AHLI-AHLI KELUARGA DAN PARA SAHABAT, SERTA MEREKA YANG MENJADIKAN BAGINDA SEBAGAI TELADAN KERANA BAJET NEGERI MELAKA 2015 DAPAT SAYA BENTANGKAN DI DEWAN YANG MULIA INI. SAYA INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB, YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA DI ATAS SOKONGAN, PANDUAN DAN NASIHAT YANG TIDAK PUTUS-PUTUS KEPADA SAYA SEPANJANG SETAHUN TUJUH BULAN MENTADBIR NEGERI MELAKA. PENGALAMAN SEBAGAI DIPLOMAT, PENTADBIR DAN AHLI POLITIK MEMBOLEHKAN TUN MENANGANI APA JUA KEMELUT PENTADBIRAN KERAJAAN DENGAN BERKESAN DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU. TIDAK HAIRANLAH APABILA NEGERI MELAKA MENDAPAT BANYAK PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DALAM PELBAGAI BIDANG. TERKINI PADA 30 OKTOBER LALU, MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB) MENJADI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) KETIGA DI NEGARA INI YANG MENERIMA ANUGERAH SEBAGAI BANDARAYA LESTARI ASEAN 2014 ATAU *ASEAN ENVIRONMENTALLY SUSTAINABLE CITIES AWARD* DI VIENTIANE, LAOS. KITA JUGA BERBANGGA APABILA

SEORANG PELUMBA MUDA MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI IAITU MOHD SHAFIQ RASOL, BERASAL DARI BACHANG TELAH DINOBATKAN JUARA PERTANDINGAN SHELL ADVANCED ASIAN TALENT CUP 2014 DI LITAR SEPANG SEKALI GUS MENGHARUMKAN NAMA MELAKA DI PERSADA DUNIA.

SESUNGGUHNYA, KITALAH RAKYAT MALAYSIA YANG BERNASIB BAIK DAN NEGERI YANG BERTUAH KERANA SEGALA KEPAKARAN DAN PENGETAHUAN TUN DICURAHKAN TANPA HAD DAN BATAS HANYA TIDAK LAIN MELAINKAN UNTUK NEGERI MELAKA DAN RAKYAT MELAKA. SAYA, KELUARGA DAN BARISAN KEPIMPINAN NEGERI MENGAMBIL KESEMPATAN INI MENGUCAPKAN SELAMAT HARI JADI TUN YANG KE-76. SEMOGA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB DAN YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN DATUK SERI UTAMA DATO' ZURINA BINTI KASSIM SEISI KELUARGA MENDAPAT MAGFIRAH DAN LINDUNGAN ALLAH SWT SERTA SIHAT SEJAHTERA SEPANJANG MASA UNTUK TERUS MEMAYUNGI MELAKA.

2. BERPEGANG KEPADA PRINSIP BAHAWA HARI INI HENDAKLAH LEBIH BAIK DARIPADA SEMALAM, ESOK LEBIH BAIK DARI LUSA DAN HARI MUKA LEBIH BAIK DARI HARI-HARI YANG LALU, SEPERTIMANA YANG DISARANKAN OLEH RASULULLALLAH SAW, DIBANTU DENGAN SOKONGAN PADU DARIPADA KALANGAN ANGGOTA PENTADBIRAN, BARISAN AHLI EXCO NEGERI, PENJAWAT AWAM DAN SELURUH RAKYAT, TELAH MEMBERI KELEBIHAN SERTA KEKUATAN KEPADA SAYA UNTUK TERUS MENTADBIR DAN MENGANGKAT TARAF MELAKA

SUPAYA IA BERADA SATU TINGKAT LEBIH BAIK BERBANDING HARI SEMALAM. BANYAK KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH NEGARA SEJAK AKHIR-AKHIR INI YANG BOLEH DIBANGGAKAN DAN MENJADI TUMPUAN DUNIA SEKALI GUS TEMPIASNYA DAPAT DIRASAI OLEH MELAKA. ANTARANYA MALAYSIA TELAH MEMENANGI KERUSI TIDAK TETAP MAJLIS KESELAMATAN PERTUBUHAN BANGSA BERSATU (UNSC) DENGAN MEMPEROLEH 187 DARIPADA 192 JUMLAH UNDI DAN BAKAL MENDUDUKI KERUSI BERKENAAN MENJELANG FAJAR JANUARI 2015 UNTUK KHIDMAT BAKTI KEPADA DUNIA SEHINGGA 31 DISEMBER 2016. SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG MEMAINKAN PERANANNYA SEBAGAI PENERAJU DALAM HAL-HAL DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM (DMDI), PEMILIHAN NEGARA DI UNSC DIHARAPKAN DAPAT MELEBARKAN SAYAP MELAKA KHUSUSNYA MENINGKATKAN JUMLAH KEANGGOTAAN DMDI. PADA KESEMPATAN INI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN BAHARU INDONESIA IAITU TYT JOKO WIDODO YANG PASTINYA PERLANTIKAN BELIAU DIHARAP MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARABANGSA DI ANTARA MELAKA DAN INDONESIA KHUSUSNYA KERANA JAKARTA ADALAH SALAH SEBUAH NEGARA DALAM ANGGOTA DMDI. TERKINI, KITA BERPELUANG MEMBANTU MELAKSANAKAN PROGRAM BAKTI SOSIAL PEMBEDAHAN BIBIR SUMBING DAN REKAHAN MULUT YANG BUAT JULUNG KALI DIADAKAN DI PUTRA SPECIALIST HOSPITAL SEMPENA KONVENSyen DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM ANJURAN BIRO BELIA DMDI BARU-BARU INI.

3. PADA TAHUN INI JUGA KITA MERAIKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA – CHINA YANG TERJALIN SEJAK 40 TAHUN LALU. DARI SATU SUDUT, HUBUNGAN DAGANGAN YANG BERTAMBAH ERAT INI BOLEH MENJADI BATU LONCATAN KEPADA MELAKA YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN LAMPAU SEJAK ABAD KE-15 MASEHI DENGAN CHINA UNTUK MEMPERERAT HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA DALAM PELBAGAI BIDANG. PELUANG BERTEMU DENGAN ZHENG BIJIAN, PENASIHAT POLITIK DAN EKONOMI KEPADA EMPAT PRESIDEN CHINA SEJAK YANG SHANGKUN (1988-1993), JIANG ZEMIN (1993-2003), JINTAO (2003-2013) DAN PRESIDEN KETUJUH SEKARANG XI JINPING YANG MERUPAKAN INDIVIDU PALING BERPENGARUH DI CHINA DAN MENGAMBIL KIRA CADANGAN BEBERAPA RAKAN DAGANGAN TERMASUK CHINA, INDONESIA DAN THAILAND SERTA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, SEBUAH PELABUHAN TERCANGGIH DAN TERMODEN DUNIA YANG MENYEDIAKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN PELABUHAN PALING BAIK BERBANDING PELABUHAN LAIN PERLU DIBINA DI MELAKA. INI SEKALI GUS BAKAL MENJADIKAN MELAKA SEBUAH NEGARA PELABUHAN ATAU BANDAR PELABUHAN ATAU *CITY PORT* (DENGAN IZIN) YANG MELENGKAPKAN JALAN SUTERA LAUT ATAU *MARINE SILK ROAD* (DENGAN IZIN) YANG DI DALAMNYA TERDAPAT 40 BUAH BANDAR UTAMA YANG MERANGKUMI LEBIH 70% PERATUS ATAU 4 BILLION DARIPADA PENDUDUK DUNIA YANG BERADA DI DALAM RANGKAIAN INI. PELABUHAN MELAKA SANGAT STRATEGIK KERANA BERADA DI TENGAH-TENGAH LALUAN PERDAGANGAN SELAT MELAKA.

4. HARI INI, MELAKA SEMAKIN TERKENAL ATAS FAKTOR PELANCONGAN DAN KELEBIHANNYA SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA YANG DIKTIRAF UNESCO SEJAK 7 JULAI 2008. SELAIN MEMPERBANYAKKAN PRODUK PELANCONGAN SEDIA ADA, KITA JUGA PERLU SEBUAH JARINGAN PENGANGKUTAN YANG BAIK UNTUK MENAMBAH NILAI PRODUK SEDIA ADA. SAYA JUGA BERSYUKUR APABILA YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA, DATUK SERI UTAMA MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK MERESTUI HASRAT MELAKA APABILA JAJARAN SISTEM REL BERKELAJUAN TINGGI ATAU *HIGH SPEED RAIL* (HSR) YANG MENGHUBUNGKAN KUALA LUMPUR DAN SINGAPURA SEJAUH 350 KILOMETER MESTI MELALUI NEGERI MELAKA. SESUNGGUHNYA, KEPUTUSAN YAB PERDANA MENTERI ITU AKAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI MELAKA. KEGEMBIRAAN DAN RAHMAT YANG KITA PEROLEH BERGANDA-GANDA DARIPADA ALLAH SWT, APABILA KITA MENERIMA PENERBANGAN PERTAMA DARIPADA SYARIKAT PENERBANGAN MALINDO AIRLINES UNTUK DESTINASI TERUS (MELAKA-PULAU PINANG) DAN (MELAKA-PEKANBARU) EMPAT HARI LALU.

5. DI KESEMPATAN INI, SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT ATAS KEMENANGAN BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN UNDANGAN NEGERI PENGKALAN KUBOR PADA 25 SEPTEMBER, 2014 YANG SAYA KIRA AMAT CEMERLANG KERANA BARISAN NASIONAL MEMPEROLEH MAJORITI UNDI YANG LEBIH BESAR BERBANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-13. BUAT PERTAMA KALINYA, KAWASAN PETI UNDI YANG DIJAGA OLEH

NEGERI MELAKA MENANG DENGAN KELEBIHAN TIGA UNDI. SEBELUM ITU, TIDAK PERNAH.

6. SAYA JUGA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT SERTA MENJAYAKAN PROGRAM MALAM CINTA RASUL – MELAKA BERSELAWAT PADA 18 OKTOBER 2014 DI STADIUM HANG TUAH YANG MENYAKSIKAN LEBIH 85,000 UMAT ISLAM MEMBANJIRI PERKARANGAN STADIUM TERSEBUT. PROGRAM BERSIARAN LANGSUNG OLEH TV AL-HIJRAH ANJURAN RICHWORKS GROUP BERSAMA KERAJAAN NEGERI MELAKA SERTA BEBERAPA PERTUBUHAN ISLAM SERTA SEKOLAH PONDOK TELAH DIKETUAI PENDAKWAH TERKENAL DARI SOLO, INDONESIA IAITU AL-HABIB SYECH ABDUL QADIR ASSEGAF. MESKIPUN BANYAK ANASIR JAHAT YANG MENABUR FITNAH KEPADA KERAJAAN NEGERI TENTANG ISU ‘OKTOBER FEST’, NAMUN DENGAN PERTOLONGAN ALLAH SWT JUA, BEGITU RAMAI UMAT ISLAM DARI PELBAGAI PERINGKAT USIA MENGHADIRI PROGRAM BERSELAWAT PADA MALAM ITU.

7. KEPELBAGAIAN BUDAYA, AGAMA DAN ADAT RESAM YANG MERANGKUMI KESELURUHAN MASYARAKAT DI MELAKA SERING MENJADIKANNYA NEGERI PILIHAN SEBAGAI TUAN RUMAH UNTUK PERAYAAN BESAR ANTARANYA SEBAGAI TUAN RUMAH BAGI MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA (MRTM) TAHUN BARU CINA, KRISMAS, AIDILFITRI DAN DEEPAVALI SEBAGAI PELENGKAP KEPADA EMPAT (4) PERAYAAN TERBESAR DI MALAYSIA. UNTUK PERTAMA KALINYA JUGA, HARI PENEROKA FELDA PERINGKAT KEBANGSAAN

DIANJURKAN DI JASIN. KITA JUGA TELAH MENERIMA DELEGASI SEMPENA PERSIDANGAN DWI TAHUNAN PERTUBUHAN KOMANWEL BAGI PENTADBIRAN AWAM DAN PENGURUSAN (CAPAM) KE-10 PADA 19 OKTOBER LALU. PADA KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN) ATAS PELANTIKAN BELIAU SEBAGAI PRESIDEN CAPAM YANG BAHARU SEKALI GUS MENGIKTIRAF PERKHIDMATAN AWAM DI MALAYSIA AMNYA DAN MELAKA KHUSUSNYA. KEHADIRAN DELEGASI KE MELAKA SECARA TIDAK LANGSUNG MENYUMBANG KEPADA JUMLAH PELANCONG PADA TAHUN INI DENGAN HARAPAN TARGET UNTUK MENCAPAI 15 JUTA PELANCONG PADA PENGHUJUNG TAHUN INI AKAN TERCAPAI.

8. SAYA PERCAYA, SEMUA YANG BERLAKU INI MENGESAHKAN BAHAWA UNTUK MENGHASILKAN PRODUK YANG BAIK, KITA PERLU MELALUI SATU PROSES YANG PANJANG YANG DI DALAMNYA TERDAPAT BEBERAPA FAKTOR PENTING MENYUMBANG KEPADA PENGHASILAN PERKHIDMATAN DAN PRODUK YANG BERKUALITI IAITU FAKTOR MANUSIA, MESIN, MATERIAL, KEWANGAN DAN PERSEKITARAN ATAU 4M – 1E (*MAN, MACHINE, MATERIAL, MONEY AND ENVIRONMENT*) DENGAN IZIN. BERPEGANG KEPADA PRINSIP ITULAH, PADA PENGHUJUNG PROSES, FAKTOR MANUSIA MENENTU SESEBUAH KEJAYAAN. SEMUANYA INI TIDAK DATANG SECARA TIBA-TIBA IBARATNYA, ‘YANG BULAT TIDAK DATANG BERGOLEK DAN YANG PIPIH TIDAK DATANG MELAYANG,’ TETAPI IA DATANG DARIPADA SEMANGAT BEKERJA YANG TERSUSUN RAPI DALAM KAEDAH MEMBELA

AGAMA ALLAH SWT SEPERTI MANA PERINGATAN-NYA DI DALAM SURAH AS-SAF, AYAT 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَانَهُم بَنِينَ
مَرَّضُونَ

“SESUNGGUHNYA ALLAH AMAT MENGASIHI ORANG YANG BERJUANG UNTUK MEMBELA AGAMA-NYA, DALAM BARISAN YANG TERATUR RAPI, SEOLAH-OLAH MEREKA SEBUAH BANGUNAN YANG TERSUSUN KUKUH.” (AS-SAFF : AYAT 4).

9. SESUAI DENGAN FIRMAN ALLAH SWT YANG SAYA BACAKAN TADI, MALAYSIA KHUSUSNYA MELAKA TELAH MEMBINA SEBUAH NEGARA BANGSA YANG SEDEMIKIAN RAPI DAN SAYA PERCAYA, SEMUA YANG KITA LAKUKAN INI ADALAH DORONGAN DAN BERKAT, KEIZINAN SERTA PERTOLONGAN ALLAH S.W.T. INSYA-ALLAH DENGAN KERJASAMA SEMUA, KITA DAPAT MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN MELAKA ATAU *THE GLORY OF MELAKA (DENGAN IZIN)* SEPERTI MANA YANG BERLAKU PADA ABAD KE-15 LAMPAU DAN KALI INI DENGAN MENJADIKAN HIJAU SEBAGAI AGENDA UTAMA.

10. THOMAS A. EDISON ADA MENYATAKAN, ‘*I NEVER DID ANYTHING BY ACCIDENT, NOR DID ANY OF MY INVENTIONS COME BY ACCIDENT; THEY CAME BY WORK*’ (DENGAN IZIN) ATAU ‘SAYA TIDAK PERNAH MELAKUKAN SESUATU SECARA TIDAK SENGAJA, BEGITU JUGA DENGAN REKACIPTA SAYA. IA DIHASILKAN APABILA SAYA MEMBUATNYA.’ SAYA PERCAYA SEMUA TINDAK TANDUK KITA DARI SEGI AGAMA DAN UNDANG-

UNDANG MANUSIA, NIAT DIAMBILKIRA SEBAGAI PERKARA POKOK ATAU UTAMA. KITA MESTILAH MEMULAKAN TINDAKAN DENGAN NIAT UNTUK MENDAPAT KEBERKATAN. DENGAN ITU, GERAK KERJA KE ARAH HASIL YANG TEPAT DAN CEPAT, INSYA-ALLAH, ADALAH PROSES YANG LURUS. TETAPI JIKA KITA MEMULAKAN TINDAKAN HANYA UNTUK TEPAT DAN CEPAT BELUM TENTU MELALUI PROSES YANG LURUS DAN BETUL DAN TENTUNYA TIDAK AKAN MENDAPAT KEBERKATAN. APALAH GUNANYA KERJA KITA TEPAT TETAPI TIDAK BERKAT. APALAH GUNANYA, TINDAKAN KITA CEPAT TETAPI TIDAK BERKAT.

11. MARILAH KITA MENGIKUT JEJAK LANGKAH EMPAT SAHABAT RASULULLAH SAW IAITU SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ YANG LEMBUT HATI DAN PEMURAH, SAIDINA UMAR AL-KHATTAB YANG MEMENTINGKAN PERATURAN DAN UDANG-UNDANG, SAIDINA UTHMAN AFFAN YANG BIJAK DAN BERPENGARUH SERTA SAIDINA ALI ABI TALIB YANG MUDA DAN GAGAH YANG BOLEH DITELADANI DALAM SEGENAP SPEKTRUM DAN DIMENSI KEHIDUPAN PADA HARI INI. PADA PAGI YANG INDAH DAN TENANG INI, SAYA INGIN MEMBAWA SEMUA MERENUNG SEKETIKA, TRAGEDI LETUPAN PESAWAT MH17 DAN KEHILANGAN MH370 PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) YANG DIKIRA SATU TRAGIK YANG MENGANDUNGI HIKMAH YANG BANYAK DAN MEMERLUKAN PENGURUSAN SERTA KEPIMPINAN YANG CEKAP UNTUK MENANGANINYA. MASIH SEGAR DALAM INGATAN SAYA BAGAIMANA KITA TERPAKSA MELALUI SAAT-SAAT GETIR ITU BERTIMPA-TIMPA. SEBAGAI BERKONGSI KESEDIHAN YANG AMAT MENDALAM DAN MELAHIRKAN RASA SIMPATI, TAKZIAH SERTA BELASUNGKAWA, KEPADA SEMUA

MANGSA, AHLI KELUARGA SERTA KRU TERBABIT, MARILAH KITA BERDOA KEPADA ALLAH SWT AGAR MEREKA YANG TERLIBAT TERUS TABAH DAN SABAR MENGHADAPI UJIAN HIDUP INI DAN BERTAFAKUR SEKETIKA BAGI YANG BUKAN MUSLIM. AL-FATIHA.

12. BAJET YANG AKAN SAYA BENTANGKAN PADA PAGI INI ADALAH BAJET NEGERI KALI KEDUA BAGI PIHAK KERAJAAN SEMENJAK SAYA MULA MEMEGANG AMANAH SELAKU KETUA MENTERI PADA TAHUN 2013. BAJET 2015 DENGAN TEMA ‘MEMANTAP EKONOMI, MENSEJAHTERA RAKYAT’, AKAN MENJADI BINGKISAN DAN PELENGKAP KEPADA RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (RMK-10). MENJELANG FAJAR MEI 2015, APABILA RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (RMK-11) MENJADI PELONJAK AWAL MEMACU SEPARUH DEKAD MALAYSIA DAN MELAKA MENUJU NEGERI MAJU BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG 2020.

PRESTASI EKONOMI TAHUN 2014

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT,

13. EKONOMI MALAYSIA MENCATATKAN PERTUMBUHAN YANG MEMBERANGSANGKAN IAITU PADA KADAR 6.2% DALAM SUKU PERTAMA TAHUN INI DAN MENINGKAT PADA KADAR 6.4% PADA SUKU KEDUA. IA DIJANGKA AKAN BERKEMBANG LEBIH KUKUH PADA SUKU TAHUN YANG AKAN DATANG. SEKTOR PERKHIDMATAN TERUS MENJADI PEMANGKIN UTAMA DENGAN

SUMBANGAN SEBANYAK 56.0% KEPADA KDNK NEGARA. INI DIBANTU OLEH PRESTASI LEBIH BAIK BIDANG PEMBUATAN IAITU SEBANYAK 25.1% SERTA SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PERTANIAN, MASING-MASING MENYUMBANG SEBANYAK 7.8% DAN 7.1%.

14. PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI MELAKA MENCATAT PERTUMBUHAN YANG BAIK DI MANA BERKEMBANG SECARA PURATA PADA KADAR 5.6% SETAHUN DALAM TEMPOH 2004 HINGGA 2013. SEKTOR PERKHIDMATAN TERUS UNGGUL SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA EKONOMI NEGERI MELAKA IAITU SEBANYAK 46.6%, DIKUTI DENGAN SEKTOR PEMBUATAN SEBANYAK 40.6%. MANAKALA SEKTOR PERTANIAN DAN PEMBINAAN MENYUMBANG SEBANYAK 9.6% DAN 3.1%.

15. KADAR PENGANGGURAN BAGI SUKU KEDUA TAHUN 2014 BAGI NEGERI INI IALAH 0.8% BERBANDING 2.8% DI PERINGKAT NASIONAL. KADAR INI JUGA ADALAH YANG TERENDAH BERBANDING DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN DI MALAYSIA. INFLASI MASIH BERADA PADA PARAS TERKAWAL IAITU 3.4%.

16. BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA JULAI TAHUN INI, NILAI PELABURAN YANG DILULUSKAN OLEH LEMBAGA PELABURAN INDUSTRI MALAYSIA (MIDA) DI PERINGKAT NASIONAL IALAH 53.2 BILION RINGGIT ATAU BERSAMAAN 498 BUAH PROJEK, DI MANA PELABURAN ASING BERJUMLAH 30.7 BILION RINGGIT MANAKALA PELABURAN DOMESTIK BERJUMLAH 22.5 BILION RINGGIT.

17. DARIPADA JUMLAH ITU, 728.9 JUTA RINGGIT ADALAH NILAI PELABURAN DI NEGERI MELAKA, YANG MERANGKUMI SEJUMLAH 577.9 JUTA RINGGIT BAGI PELABURAN ASING DAN SEJUMLAH 151 JUTA RINGGIT BAGI PELABURAN DOMESTIK.

STRATEGI BAJET NEGERI MELAKA 2015

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER,

18. DI DEWAN YANG MULIA INI, KERAJAAN NEGERI INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA KERANA BERJAYA MERANGKA BAJET YANG MANTAP DEMI KESEJAHTERAAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA. BAJET 2015 INI DIGUBAL BERFOKUS KEPADA EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT DENGAN MENGGARISKAN TUJUH (7) STRATEGI UTAMA, IAITU:

PERTAMA : MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

KEDUA : MEMANTAP TADBIR URUS FISKAL

KETIGA : MENGUPAYA MODAL INSAN DAN KEUSAHAWANAN

KEEMPAT : MEMPERKASA AGENDA BUMIPUTERA

KELIMA : MEMARTABAT PERANAN WANITA

KEENAM : MEMBANGUN PROGRAM TRANSFORMASI BELIA NEGARA

KETUJUH : MENSEJAHTERA RAKYAT

19. BAJET 2015 YANG DIBENTANG OLEH YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI MALAYSIA DI DEWAN RAKYAT PADA 10 OKTOBER YANG LALU MERUPAKAN BELANJAWAN PENTING BAGI MENYEDIAKAN PERUNTUKAN UNTUK PROJEK YANG BELUM DILAKSANAKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMK-10) DAN SETERUSNYA MEMASTIKAN KELANCARAN PERALIHAN KE RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11). RMK-11 AKAN MENGHASILKAN DAYA TOLAKAN TERAKHIR KEPADA USAHA TRANSFORMASI BAGI MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. MENURUT YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI, "ADALAH PENTING UNTUK MEMFOKUS SEMULA USAHA DAN TENAGA KITA DI BAWAH SEMANGAT 1MALAYSIA BAGI MENJANA LEBIH BANYAK KEKAYAAN SELAIN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT".

20. DALAM BAJET 2015 ITU, KERAJAAN PERSEKUTUAN MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 273.9 BILION RINGGIT IAITU PENINGKATAN SEBANYAK 9.8 BILION RINGGIT BERBANDING PERUNTUKAN ASAL TAHUN 2014. DARIPADANYA, SEJUMLAH 223.4 BILION RINGGIT ADALAH BAGI PERBELANJAAN MENGURUS DAN 50.5 BILION RINGGIT ADALAH BAGI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN. SYABAS DIUCAPKAN KEPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI KERANA TELAH MERANGKA BAJET YANG DISIFATKAN REALISTIK DAN MESRA RAKYAT KERANA HAMPIR KESELURUHAN PEMBENTANGAN TERTUMPU KEPADA PEMBANGUNAN SERTA KEBAJIKAN RAKYAT.

21. BAGI MENCAPAI BARISAN MATLAMAT ITU DAN SEJAJAR DENGAN STRATEGI KERAJAAN PERSEKUTUAN, BAJET NEGERI MELAKA TAHUN 2015 ADALAH DIRANGKA SELARAS UNTUK MENCAPAI HASRAT MELAKA MAJU FASA II, DENGAN TEMA ‘MEMANTAP EKONOMI, MENSEJAHTERA RAKYAT’. BAGI MAKSUD ITU, BAJET 2015 NEGERI MELAKA ADALAH DIRANGKA BERLANDASKAN KEPADA TIGA STRATEGI UTAMA :-

PERTAMA : MEMPERSIAGA MELAKA MAJU FASA II, KE ARAH NEGERI BANDAR BERPENDAPATAN TINGGI

KEDUA : MENSEJAHTERA RAKYAT DAN MEMBINA KEHIDUPAN BERKUALITI

KETIGA : MENTRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

PERUNTUKAN BAJET NEGERI MELAKA 2015

22. BAJET 2015 AKAN MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 302.73 JUTA RINGGIT DI MANA 295.88 JUTA RINGGIT ADALAH UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS SEPerti DALAM RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) 2014 DAN 6.85 JUTA RINGGIT UNTUK PERBELANJAAN TANGGUNGAN. DARIPADA JUMLAH ITU, 97.03 JUTA RINGGIT ADALAH BAGI EMOLUMEN DI MANA 0.8 JUTA RINGGIT ADALAH UNTUK PERBELANJAAN TANGGUNGAN, 114.73 JUTA RINGGIT BAGI PERKHIDMATAN DAN BEKALAN, 3.8 JUTA RINGGIT BAGI

PEMBELIAN ASET. MANAKALA 86.11 JUTA RINGGIT BAGI PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP DI MANA 6.0 JUTA RINGGIT ADALAH UNTUK PERBELANJAAN TANGGUNGAN DAN BAKI SEJUMLAH 1.06 JUTA RINGGIT PULA DISEDIAKAN UNTUK LAIN-LAIN PERBELANJAAN.

23. PERBELANJAAN BAGI PERKHIDMATAN DAN BEKALAN ADALAH KOMPONEN TERBESAR DALAM BAJET 2015 YANG MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 114.73 JUTA RINGGIT BAGI MENAMPUNG KENAIKAN KOS BEKALAN, BIL UTILITI, SEWAAN, PENYELENGGARAAN PEJABAT DAN KENAIKAN EMOLUMEN KAKITANGAN KONTRAK. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENYEDIAKAN PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI IAITU SEJUMLAH 86.11 JUTA RINGGIT UNTUK PERBELANJAAN PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP BAGI MENAMPUNG CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN NEGERI SEJUMLAH RM37.8 JUTA, PERBELANJAAN TANGGUNGAN DAN PEMBERIAN SERTA SUMBANGAN SOSIAL KEPADA RAKYAT TERMASUK BAYARAN BANTUAN AM NEGERI. MANAKALA PERUNTUKAN BAGI EMOLUMEN DIJANGKA AKAN TERUS MENINGKAT KERANA PENJAWAT AWAM MENIKMATI KENAIKAN GAJI PADA SETIAP TAHUN.

24. PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS PADA SETIAP TAHUN ADALAH TIDAK DAPAT DIELAKKAN DAN BUKAN JUGA DISEBABKAN KURANGNYA KAWALAN OLEH KERAJAAN NEGERI TETAPI ADALAH KERANA PEROLEHAN BARANG DAN PERKHIDMATAN SERTA BAYARAN PENYELENGGARAAN DAN UTILITI SENTIASA MENINGKAT MENGIKUT PASARAN. NAMUN

BEGITU, PENINGKATAN TERSEBUT ADALAH MASIH TERKAWAL SELARAS DENGAN DASAR KERAJAAN NEGERI YANG MENGAMALKAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAH DAN PERBELANJAAN YANG DILAKSANAKAN ADALAH 'VALUE FOR MONEY' DAN BENAR-BENAR PERLU.

25. PERUNTUKAN PEMBANGUNAN PULA IALAH SEJUMLAH 55.06 JUTA RINGGIT IAITU 19 JUTA RINGGIT BAGI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR, 11.65 JUTA RINGGIT UNTUK KEMAJUAN MASYARAKAT, 9.56 JUTA RINGGIT BAGI EKONOMI, 7.0 JUTA RINGGIT UNTUK KEAGAMAAN, 2.2 JUTA RINGGIT UNTUK PEMBANGUNAN VETERINAR DAN PERTANIAN SERTA 5.65 JUTA RINGGIT UNTUK PENTADBIRAN DAN SOSIAL.

26. HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2015 DIANGGAR BERJUMLAH 302.92 JUTA RINGGIT YANG TERDIRI DARIPADA HASIL CUKAI BERJUMLAH 108.96 JUTA RINGGIT, HASIL BUKAN CUKAI BERJUMLAH 123.69 JUTA RINGGIT DAN TERIMAAN BUKAN HASIL BERJUMLAH 70.27 JUTA RINGGIT. KUTIPAN HASIL DIJANGKA MENOKOK 30.35 JUTA RINGGIT ATAU 11.13% LEBIH TINGGI BERBANDING ANGGARAN KUTIPAN TAHUN LALU. BAJET LEBIHAN 2015 INI MENUNJUKKAN KERAJAAN NEGERI TERUS BERUSAHA UNTUK MEMPERKUKUH KEWANGAN NEGERI DENGAN MEMANTAPKAN KUTIPAN HASIL SAMBIL MENGUATKUASAKAN PERBELANJAAN YANG BERHEMAH.

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT,

STRATEGI PERTAMA:

MEMPERSIAGA MELAKA MAJU FASA II, KE ARAH NEGERI BANDAR BERPENDAPATAN TINGGI

27. MATLAMAT NEGERI MELAKA MENJADI SEBUAH NEGERI MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI TELAH DITERJEMAHKAN DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMK10) YANG MENYEDIAKAN TRANSFORMASI STRUKTUR UTAMA YANG DIPERLUKAN BAGI EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI SERTA HALA TUJU DASAR, STRATEGI DAN PROGRAM BAHARU.

28. KERAJAAN NEGERI TERUS KOMITED UNTUK MENINGKATKAN PUNCA PENDAPATAN ISI RUMAH TANPA MENGIRA KAUM, LATAR BELAKANG ATAU LOKASI, MELALUI PROGRAM BINA PENDAPATAN DAN BINA UPAYA, MENGUKUHKAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL DAN MENANGANI KEPERLUAN KUMPULAN KURANG BERNASIB BAIK.

29. TUMPUAN PEMBAHARUAN DIBAHAGIKAN KEPADA 3 BIDANG UTAMA IAITU MENJADIKAN PASARAN PEKERJAAN LEBIH FLEKSIBEL; MEMPERTINGKAT KEMAHIRAN DAN KEUPAYAAN TENAGA KERJA SEDIA ADA; DAN MEMPERKUKUH KEUPAYAAN UNTUK MENARIK DAN MENGEKALKAN MODAL INSAN TERBAIK.

30. SEJAJAR DENGAN MATLAMAT BAGI MENCAPAI PEMBAHARUAN TERSEBUT, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MEMANTAPKAN LAGI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR BAGI MEMASTIKAN RAKYAT TERUS MENIKMATI KEMUDAHAN YANG BERKUALITI DISAMPING DAPAT TERUS MEMBERI KEYAKINAN KEPADA PELABUR UNTUK TERUS MELABUR DI NEGERI MELAKA DAN PELUANG PEKERJAAN DAPAT DITINGKATKAN. DENGAN INI, PENDAPATAN ISI RUMAH DAPAT DITINGKATKAN DAN JURANG PENDAPATAN DAPAT DIKURANGKAN.

31. DI ANTARA PROJEK-PROJEK UTAMA YANG TELAH DIPOHON KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

PERTAMA : MENAIKTARAF JALAN DARI 2 LORONG KEPADA 4 LORONG KUALA LINGGI - MASJID TANAH - SUNGAI UDANG - KLEBANG - LIMBONGAN - JALAN PANTAI - JAMBATAN SYED ABDUL AZIZ – ALAI (TELOK MAS) DIANGGARKAN BERNILAI 1.1 BILION RINGGIT

KEDUA : MENAIKTARAF JALAN DARI AYER KEROH KE BANDAR MELAKA (FASA 2) DIANGGARKAN BERNILAI 377.50 JUTA RINGGIT DI MANA PROJEK FASA 1 TELAH DIMULAKAN DENGAN KOS SEJUMLAH 286.7 JUTA RINGGIT

- KETIGA : CADANGAN PELAN INDUK PENYURAIAN TRAFIK MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH DIANGGARKAN BERNILAI 5.4 BILION RINGGIT**
- KEEMPAT : MEMBINA JALAN DURIAN TUNGGAL - PAYA RUMPUT - SUNGAI UDANG, MELAKA FT 139 (FASA 2) DIANGGARKAN BERNILAI 85.40 JUTA RINGGIT**
- KELIMA : CADANGAN MEMBINA DAN MENAIKTARAF JALAN 4 LORONG PERSIMPANGAN SERI NEGERI – BEMBAN - JASIN - TANGKAK (FASA 2 & 3) DIANGGARKAN BERNILAI 177.74 JUTA RINGGIT**
- KEENAM : NAIKTARAF JALAN DARI GAPAM - BUKIT KATIL - SEMABOK (FASA 2) DIANGGARKAN BERNILAI 41.96 JUTA RINGGIT DIMANA PROJEK FASA 1 YANG BERNILAI 14.78 JUTA RINGGIT TELAH MENCAPAI 68% PEMBINAANNYA.**
- KETUJUH : MEMBINA JALAN 4 LORONG LEBUH AMJ - BANDAR MERLIMAU - JASIN TOL LIPAT KAJANG DIANGGARKAN BERNILAI 123.20 JUTA RINGGIT**
- KELAPAN : NAIK TARAF JALAN DARI 2 LORONG KE 4 LORONG DARI SEMABOK – SUNGAI RAMBAI DIANGGARKAN BERNILAI 288.84 JUTA RINGGIT**
- KESEMBILAN : MEMBINA JALAN ALTERNATIF BAGI MENGURANGKAN KESESAKAN DAN MASALAH LALULINTAS DI PUSAT BANDAR JASIN DIANGGARKAN BERNILAI 34.70 JUTA RINGGIT**

32. SELAIN ITU, PADA SETIAP TAHUN KERAJAAN NEGERI AKAN MENERIMA PERUNTUKAN PEMBERIAN PENYELENGGARAAN JALAN RAYA DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DIANGGARKAN SEJUMLAH 72.8 JUTA RINGGIT UNTUK MENYELENGGARA JALAN NEGERI, JALAN RAYA BANDARAN DAN JALAN PERTANIAN. DENGAN PERUNTUKAN YANG DITERIMA INI, KERAJAAN NEGERI TELAH MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF JALAN-JALAN DIBAWAH TANGGUNGJAWAB KERAJAAN NEGERI TERMASUK JALAN-JALAN KAMPUNG DEMI KESELAMATAN SEMUA PENGGUNA JALAN RAYA. DI SAMPING MENYELENGGARA JALAN, PERUNTUKAN INI TURUT DIGUNAKAN UNTUK BAYARAN KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DI ATAS REZAB JALAN.

33. DI SAMPING PERMOHONAN PERUNTUKAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SEDIA ADA, KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2015 TURUT MENYEDIAKAN PERUNTUKAN UNTUK PROJEK-PROJEK BARU DAN SAMBUNG DI BAWAH KERAJAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:

PERTAMA : MENGGANTI BARU JAMBATAN SERI PENGKALAN ALOR GAJAH, MELAKA DIANGGARKAN BERNILAI 1.35 JUTA RINGGIT

KEDUA : MENGGANTI JAMBATAN PEKAN SELANDAR JASIN, MELAKA DIANGGARKAN BERNILAI 1.3 JUTA RINGGIT

- KETIGA : MENGGANTIKAN JAMBATAN KESANG TASIK, SUNGAI RAMBAI, MELAKA DIANGGARKAN BERNILAI 0.7 JUTA RINGGIT**
- KEEMPAT : MENGGANTIKAN JAMBATAN TEBONG, ALOR GAJAH DIANGGARKAN 0.81 JUTA RINGGIT**
- KELIMA : MENGGANTIKAN JAMBATAN ASAHAN DIANGGARKAN BERNILAI 1.1 JUTA RINGGIT**
- KEENAM : PROJEK MENGGALI DAN MENDALAMKAN MUARA SUNGAI MELAKA DAN SUNGAI DUYONG DIANGGARKAN BERNILAI 2.0 JUTA RINGGIT**
- KETUJUH : PROJEK KAWALAN HAKISAN PANTAI DI PANTAI SIRING, PASIR GEMBUR DAN TANJUNG KLING DIANGGARKAN BERNILAI 0.83 JUTA RINGGIT**

34. DENGAN TERSEDIANYA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS INI, IANYA AKAN MEMBANTU MEMANTAPKAN LAGI EKONOMI KERAJAAN NEGERI DAN SETERUSNYA TARAF HIDUP RAKYAT DAPAT DITINGKATKAN. HARAPAN KERAJAAN NEGERI AGAR KERAJAAN PERSEKUTUAN DAPAT MELULUSKAN PERMOHONAN SEPERTI YANG SAYA SEBUTKAN DI ATAS SUPAYA JARINGAN KEMUDAHAN JALAN RAYA DI NEGERI MELAKA DAPAT DIPERTINGKATKAN UNTUK MEMBERI KESELESAAN KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA DAN JUGA MENGELAKKAN KESESAKAN TERUTAMA PADA MUSIM CUTI SEKOLAH. INI JUGA AMAT PENTING DALAM MEMACU NEGERI MELAKA MENUJU NEGERI BANDAR BERPENDAPATAN TINGGI KERANA ANTARA PENANDA ARAS NEGERI BERSTATUS BANDARAYA ADALAH KEUPAYAAN UNTUK MENYEDIAKAN SISTEM JARINGAN PENGURAIAN TRAFIK YANG MODEN DAN TERKINI.

35. SELAIN ITU, KERAJAAN NEGERI MELALUI PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA (CMI) AKAN MENGENGKAJI KESESUAIAN UNTUK MEMBANGUNKAN PROJEK LANDASAN KERETA API LAJU (HIGH SPEED RAIL) DI DURIAN TUNGGAL BAGI MENINGKATKAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN TERSEBUT. INI ADALAH SELARAS DENGAN CADANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEMBINA LANDASAN KERETA API LAJU DARIPADA SINGAPURA KE KUALA LUMPUR. JIKA PROJEK INI DAPAT DIREALISASIKAN, KERAJAAN NEGERI PERCAYA IANYA AKAN MELEDAKKAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN SEKITARNYA.

PROJEK MELAKA GATEWAY

36. MELAKA GATEWAY IALAH PROJEK PEMBANGUNAN KOMERSIAL BERCAMPUR SELUAS 246.4 HEKTAR YANG TERDIRI DARIPADA TIGA BUAH PULAU DAN DUA DARIPADANYA ADALAH BUATAN MANUSIA DENGAN MELIBATKAN PERBELANJAAN LEBIH 200 JUTA RINGGIT DENGAN NILAI PEMBANGUNAN *GROSS DEVELOPMENT VALUE* (GDV) SEBANYAK 40 BILION RINGGIT. PELAN INDUK PEMBANGUNAN MELAKA GATEWAY TELAH DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI, YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK PADA 7 FEBRUARI YANG LALU.

37. MELAKA GATEWAY AKAN DIBANGUNKAN BERDASARKAN KONSEP PEMBANGUNAN MAPAN YANG AKAN MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA SEMUA PIHAK SEPERTI PENGWUJUDAN PELUANG PEKERJAAN, PEMANGKIN PELANCONGAN DAN MESRA ALAM SEKITAR. PEMBINAAN PULAU BUATAN MANUSIA INI BAKAL SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 2023 DAN MAMPU MENJADI SALAH SATU KOMPONEN PEMAJU EKONOMI PEMBANGUNAN DI NEGARA INI SEPERTI WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR DAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR.

38. PROJEK INI BAKAL MENJANA TIDAK KURANG DARI 10,000 PELUANG PEKERJAAN YANG MELIBATKAN TENAGA KERJA MAHIR DAN KURANG MAHIR. PEMBANGUNAN INI AKAN MELIBATKAN PELABURAN DARI LUAR NEGARA SEPERTI AUSTRALIA, UNITED KINGDOM, CHINA, SINGAPURA DAN BEBERAPA NEGARA LAIN. INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MEMBERI LIMPAHAN EKONOMI KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT TERUTAMANYA KAWASAN BANDAR MELAKA DAN KAWASAN BERHAMPIRAN SEPERTI UJONG PASIR, SEMABOK, BUKIT BARU, PERINGGIT, CHENG, TANJUNG KLING DAN KLEBANG.

39. KOMPONEN UTAMA PEMBANGUNAN PROJEK INI ADALAH *TERMINAL CRUISE* ANTARABANGSA YANG DILETAKKAN DI BAWAH EPP 6 SEKTOR PELANCONGAN (*CRUISE TOURISM – CREATING A STRAITS RIVIERA*) YANG DILAKSANAKAN SECARA USAHASAMA ANTARA PEMAJU DENGAN ROYAL CARIBBEAN INTERNATIONAL YANG AKAN MENEMPATKAN KAPAL BERKELAS

OASIS YANG MAMPU MEMBAWA SERAMAI 6000 ORANG PENUMPANG DAN 2000 ORANG KRU. TERMINAL TERSEBUT AKAN BERFUNGSI SEBAGAI *CALL PORT* UNTUK PERSINGGAHAN PELANCONG MELAWAT KAWASAN SEKITAR NEGERI MELAKA. SELAIN ITU, SEBUAH MARINA AKAN DIBANGUNKAN HASIL USAHASAMA DENGAN SYARIKAT DARI AUSTRALIA YANG MAMPU MENEMPATKAN KAPAL SEBESAR *SEAWISE GIANT* YANG PADA MASA INI HANYA DAPAT BERLABUH DI KEPPEL YARD, SINGAPURA.

40. KERAJAAN NEGERI BERHARAP PROJEK INI AKAN DIJADIKAN SEBAGAI PROJEK KHAS NASIONAL OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN KERANA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI AMAT TERTARIK DENGAN PROJEK INI DAN SERING MEMBERI PERHATIAN, PANDANGAN SERTA NASIHAT KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK MEREALISASIKAN PROJEK INI. SEMOGA PROJEK INI MAMPU MENJADI SALAH SATU KOMPONEN PEMAJU EKONOMI PEMBANGUNAN BARU DI NEGERI MELAKA.

NEGERI TEKNOLOGI HIJAU (*GREEN TECHNOLOGY STATE*)

41. MELAKA SENTIASA MENDAHULUI NEGERI LAIN DALAM MENGGERAKKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU. INI TERBUKTI APABILA BARU-BARU INI KUMPULAN MELAKA BERHAD (KMB) DAN SYARIKAT AIR MELAKA, DUA BUAH AGENSI KERAJAAN NEGERI DIANUGERAHKAN OLEH KEMENTERIAN TENAGA TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KETTHA) MASING-MASING BAGI KATEGORI TENAGA DAN AIR. SAYA JUGA SERING DIJEMPUT UNTUK MEMBENTANGKAN PEMBANGUNAN PROGRAM

HIJAU MELAKA DI FORUM DAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA IMT-GT DI SAMUI, THAILAND, MANILA, FILIPINA DAN NEW YORK DI AMERIKA SYARIKAT. HARI INI, TEKNOLOGI HIJAU MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI YANG MAPAN. KERAJAAN NEGERI TERUS KOMITED DALAM MELAKSANAKAN DASAR TEKNOLOGI HIJAU DAN MENJANGKAKAN LEBIH 5.4 BILION RINGGIT PELABURAN DAPAT DIPEROLEHI DALAM SEKTOR TEKNOLOGI HIJAU SEHINGGA TAHUN 2020.

42. PERANCANGAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI MELAKA PERLU BERDASARKAN KEPADA EKONOMI RENDAH KARBON. KADAR PENGELUARAN NEGERI KASAR (KDNK) DIANGGARKAN KEPADA 48 BILLION RINGGIT BAGI ANGGARAN SEJUTA PENDUDUK NEGERI MENJELANG TAHUN 2020. MANAKALA KADAR PELEPASAN *GREENHOUSE GAS* (GHG) PADA TAHUN 2020 DISASARKAN KEPADA 7.68 JUTA TAN CO₂-EQ BAGI MENCAPAI PENGURANGAN INTENSITI KARBON SEBANYAK 40 PERATUS.

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU

43. NEGERI MELAKA TELAH DIPILIH SEBAGAI PELAKSANA BAGI *IMT-GT GREEN PILOT PROJECT* BERSAMA-SAMA BANDAR SONGKHLA, THAILAND DAN MEDAN, INDONESIA. NEGERI MELAKA JUGA TELAH MEMBANGUNKAN *GREEN CITY ACTION PLAN* DENGAN KERJASAMA *ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)* UNTUK MEMASTIKAN INISIATIF BANDAR HIJAU DAPAT DICAPAI.

44. KERAJAAN NEGERI TURUT BERCADANG UNTUK MENUBUHKAN *IMT-GT INTERNATIONAL GREEN TECHNOLOGY TRAINING CENTRE* DI NEGERI MELAKA DI MANA IA AKAN MENJADI PUSAT LATIHAN KEPADA PARA PESERTA DARI KALANGAN NEGARA-NEGARA YANG MENYERTAI IMT-GT DAN SELURUH MALAYSIA. DENGAN PENUBUHAN PUSAT LATIHAN INI, KERJASAMA DALAM BIDANG TEKNOLOGI HIJAU DAPAT DIPERLUASKAN DAN MENGGALAKKAN PERKONGSIAN MAKLUMAT DI KALANGAN ANGGOTA IMT-GT.

45. BAGI TUJUAN MELUASKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU, KERAJAAN NEGERI SEDANG MENJALANKAN DUA BUAH PROJEK IAITU:

PERTAMA : PROJEK IMT-GT *ELECTRICAL MANAGEMENT UNIT (EMU) FOR STREET LIGHTING* DI NEGERI MELAKA

- **FASA PERTAMA ADALAH PEMBELIAN 20 UNIT PERALATAN EMU YANG AKAN DIPASANG DI *FEEDER PILLAR* LAMPU JALAN YANG TERPILIH YANG DAPAT MENJIMATKAN 30% TENAGA.**
- **FASA KEDUA PROJEK YANG MELIBATKAN PEMASANGAN 80 UNIT PERALATAN EMU DENGAN KOS SEBANYAK 1.6 JUTA RINGGIT IAITU MELALUI KEUNTUNGAN PENJIMATAN TENAGA YANG AKAN DIPEROLEHI DARIPADA PROJEK FASA 1.**

KEDUA : PROJEK IMT-GT KAJIAN KECEKAPAN TENAGA DI 9 BUAH BANGUNAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

- **SEBANYAK SEMBILAN BUAH BANGUNAN YANG TERLIBAT DALAM KAJIAN TERSEBUT ADALAH BANGUNAN SERI NEGERI, BANGUNAN WISMA NEGERI, BANGUNAN MELAKA SENTRAL, BANGUNAN HOSPITAL PUTRA, MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH (MPAG), MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB), WISMA AIR DIGITAL MALL, GRAHA MAJU SERTA PUSAT DAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA (MITC) TELAH TERPILIH UNTUK DINAIK TARAF MENJADI BANGUNAN BERTEKNOLOGI HIJAU. SEBAGAI PERMULAAN TIGA BANGUNAN YANG DIPILIH MENERIMA PERUNTUKAN OLEH PIHAK *DANISH CLIMATE INVESTMENT FUND* SEJUMLAH 30.0 JUTA RINGGIT ADALAH BANGUNAN SERI NEGERI, ISTANA MELAKA DAN BANGUNAN HOSPITAL PUTRA.**

46. SELAIN ITU, KERAJAAN NEGERI MELALUI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH TURUT BEKERJASAMA DENGAN PIHAK *GERMAN TECHNICAL COOPERATION (GTZ)* DALAM PELAKSANAAN BANDAR RENDAH KARBON. PIHAK GTZ TELAH MELANTIK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM) SEBAGAI BADAN PERUNDING BAGI PENGUMPULAN DATA DAN MAKLUMAT BAGI MENGENALPASTI PUNCA-PUNCA UDARA KOTOR DI PUSAT-PUSAT BANDAR NEGERI MELAKA BAGI

**PELAKSANAAN KAJIAN 'CLEAN AIR FOR SMALLER CITIES'
NEGERI MELAKA.**

47. PADA MASA INI, MELAKA MERUPAKAN SATU-SATUNYA NEGERI YANG MEMPUNYAI KILANG YANG TELAH MENDAPAT ANUGERAH *GBI (GREEN BUILDING INDEX)* CERTIFICATION BAGI KATEGORI *INDUSTRIAL EXISTING BUILDING (IEB)* IAITU KILANG PANASONIC INDUSTRIAL DEVICES (M) SEMICONDUCTOR SDN. BHD. YANG TELAH MENERIMA PENGANUGERAHAN TERSEBUT PADA BULAN JUN 2013.

48. KERAJAAN AMAT BERHARAP RAKYAT DI PELBAGAI PERINGKAT DAPAT MENYERTAI PROGRAM TEKNOLOGI HIJAU KERANA IMPAKNYA SANGAT BESAR KEPADA NEGERI DAN JUGA GENERASI AKAN DATANG. BEBERAPA INSENTIF TELAH DISEDIAKAN TERMASUK MEMBENARKAN PENGGUNA BASIKAL DAN KENDERAAN TANPA PETROL UNTUK MEMASUKI KAWASAN WARISAN DAN MENDAPAT PARKIR PERCUMA. PENYEDIAAN LORONG BERBASIKAL MERUPAKAN SALAH SATU CARA UNTUK MENGGALAKKAN BUDAYA BERBASIKAL DALAM KALANGAN RAKYAT SEPERTI AMALAN DI BEBERAPA BUAH NEGARA BARAT.

MELAKA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN

49. SEHINGGA BULAN OGOS 2014, BILANGAN KEDATANGAN PELANCONG KE NEGERI MELAKA TELAH MENINGKAT 0.2% KEPADA 9,480,869 JUTA ORANG DARIPADA 9,461,583 JUTA ORANG PADA TEMPOH YANG SAMA TAHUN 2013.

50. DALAM USAHA MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DOMESTIK DAN ANTARABANGSA KE MELAKA, KERAJAAN NEGERI MERANCANG PELBAGAI ACARA DAN PROGRAM PROMOSI PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2015 SEPERTI BERIKUT:-

- i. FESTIVAL LAYANG-LAYANG ANTARABANGSA MELAKA ATAU *MELAKA INTERNATIONAL KITE FESTIVAL* PADA JANUARI 2015;**
- ii. ACARA MEMERHATI BURUNG ATAU *RAPTOR WATCH WEEK* PADA MAC 2015 DI TANJUNG TUAN, MELAKA;**
- iii. KONVENSYEN ANTARABANGSA BANDARAYA BERKEMBAR KE-17 ATAU *17TH INTERNATIONAL CONVENTION OF MELAKA TWIN CITIES* PADA APRIL 2015;**
- iv. KARNIVAL PELANCONGAN JALANAN ATAU *MELAKA TOURISM STREET CARNIVAL (MTSC)* PADA BULAN MEI 2015 DI HANG TUAH MALL, MELAKA;**
- v. PESTA SUNGAI ANTARABANGSA MELAKA ATAU *INTERNATIONAL FIESTA OF MELAKA RIVER* PADA BULAN JUN 2015 DI SEPANJANG SUNGAI MELAKA;**
- vi. FIESTA SAN JUANG PADA JUN 2015 DI PERKAMPUNGAN PORTUGIS, UJONG PASIR, MELAKA;**
- vii. SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-7 MELAKA BANDARAYA WARISAN DUNIA UNESCO PADA 7 JULAI 2015 DI BANDA HILIR, MELAKA;**
- viii. PERTUNJUKAN PELANCONGAN ANTARABANGSA ATAU *MELAKA INTERNATIONAL TOURISM SHOW (MITS)* PADA JULAI 2015 DI MITC, AYER KEROH, MELAKA;**

ix. DETIK TAHUN BARU ATAU *NEW YEAR COUNTDOWN* PADA 31 DISEMBER 2015 DI DATARAN PAHLAWAN MELAKA MEGAMALL, BANDA HILIR, MELAKA

51. KERAJAAN NEGERI TURUT MEMOHON BEBERAPA PROJEK DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK TAHUN 2014 HINGGA 2015 BAGI MEMANTAPKAN LAGI SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI MELAKA DAN MEMPELBAGAIKAN PRODUK PELANCONGAN SEPERTI BERIKUT :-

PERTAMA : PROJEK PELANCONGAN KLEBANG YANG MENEMPATKAN MUZIM KAPAL SELAM SEDIA ADA. SEKIRANYA PROJEK INI DILULUSKAN, KAWASAN MUZIUM INI KELAK AKAN DINAIKTARAF BAGI MENEMPATKAN KOMPLEKS MUZIUM KAPAL SELAM YANG LEBIH TERATUR DAN MENYELURUH SERTA DILENGKAPI PRASARANA YANG LEBIH BAIK UNTUK KEMUDAHAN PELANCONG. KOS KESELURUHAN YANG DIPOHON BERJUMLAH 25 JUTA RINGGIT.

KEDUA : PROJEK JEJAK WARISAN ALOR GAJAH YANG MELIPUTI PENAIKTARAFAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN YANG TERDAPAT DI SEPANJANG LALUAN DARI PINTU MASUK TOL SIMPANG AMPAT KE BANDAR ALOR GAJAH.

KETIGA : PROJEK KOMPLEKS KEBUDAYAAN DAN WARISAN ETNIK JAWA DI TAMBAK PAYA, AYER MOLEK DENGAN KOS BERJUMLAH 25 JUTA RINGGIT.

KEEMPAT : PUSAT ISLAM ASIA PASIFIK ATAU *ASIA PACIFIK ISLAMIC CENTRE*. KOMPLEKS INI AKAN MENEMPATKAN BAHAN-BAHAN KETAMADUNAN ISLAM DARI ASIA PASIFIK TERMASUK BAHAN PAMERAN DAN BAHAN BACAAN TOKOH-TOKOH UTAMA ISLAM DENGAN KOS BERJUMLAH 25 JUTA RINGGIT.

52. SEKTOR PELANCONGAN MENJADI ASAS ATAU *PLATFORM* UNTUK MENINGKATKAN TARAF EKONOMI KHUSUSNYA MASYARAKAT LUAR BANDAR. USAHA KERAJAAN NEGERI MEMPERKENALKAN *SUNGAI RAMBAI RIVER CRUISE* DAN PROGRAM INAP LADANG, IAITU MENYUSURI SUNGAI RAMBAI DAN MELAWAT LADANG KELAPA SAWIT KEPADA PELANCONG MEMBANTU MENINGKATKAN PENDAPATAN MASYARAKAT LUAR BANDAR. PELANCONGAN AGRO DAN REKREASI SEPERTI INI MENDAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN KERANA IA AMAT ISTIMEWA DAN SUKAR DITEMUI DI NEGARA LAIN. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENGGALAKKAN USAHAWAN TEMPATAN MENCEBURI BIDANG PELANCONGAN DENGAN MEMBERI TUMPUAN KHUSUS MEMBANGUNKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN DI KAWASAN LUAR BANDAR.

53. SELAIN ITU, PROJEK PEMBERSIHAN DAN PENGINDAHAN SUNGAI MELAKA PARCEL 2 SEDANG BERJALAN DAN DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA PENGHUJUNG TAHUN 2014 AKAN MENJADI TARIKAN BARU KEPADA PARA PENGUNJUNG. PROJEK INI TERBAHAGI KEPADA 3 PAKEJ DENGAN KOS 285 JUTA RINGGIT TERMASUK KOS PENGAMBILAN TANAH. KOMPONEN UTAMA PROJEK INI IALAH PEMBINAAN 3 BUAH STESEN TEKSI AIR DI PENGKALAN RAMA, BERDEKATAN JUSCO BANDARAYA DAN DI MYDIN MELAKA SENTRAL, PEJALAN KAKI SEPANJANG 5.2 KILOMETER DI TEPI SUNGAI, PEMBINAAN *BICYCLE TRAC*, 37 UNIT *GROSS POLLUTANT TRAP* UNTUK MEMERANGKAP SAMPAH DARIPADA MASUK KE SUNGAI MELAKA, *LANDSCAP* DAN *HARDSCAP* SERTA PEMBINAAN SEBUAH *TREATMENT PLANT* UNTUK KUALITI AIR DENGAN KAPASITI 36,000 PE.

54. INDUSTRI PELANCONGAN PERUBATAN TURUT BERKEMBANG PESAT DENGAN TERBINANYA HOSPITAL SWASTA KEEMPAT DI KLEBANG. HOSPITAL ORIENTAL MELAKA STRAITS MEDICALS CENTER YANG AKAN BEROPERASI PADA BULAN DISEMBER 2014 MENAWARKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DENGAN PENGGUNAAN PERALATAN CANGGIH SERTA BERTEKNOLOGI TINGGI SEJAJAR DENGAN CABARAN PERUBATAN SEMASA. DI SAMPING KOS RAWATAN YANG BERPATUTAN SERTA TEMPOH PEMULIHAN YANG SINGKAT, LEBIH RAMAI PESAKIT DARI INDONESIA BAKAL MENDAPATKAN RAWATAN DI SINI. PENGUSAHA-PENGUSAHA HOTEL BAJET DAN HOMESTAY DI SEKITAR KAWASAN INI DIJANGKA TURUT MEMPEROLEHI MANFAAT SECARA LANGSUNG. KERAJAAN NEGERI PERCAYA, PEMBINAAN HOSPITAL BAHARU INI DAPAT

MELONJAK SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN DAN MEMPELBAGAI RAWATAN PERUBATAN DI SAMPING BERUPAYA MENINGKATKAN TARAF HIDUP MASYARAKAT DI SEKITARNYA.

55. KERAJAAN NEGERI SENTIASA BERUSAHA MEMANTAP EKONOMINYA UNTUK MENJAMIN KELANGSUNGAN RAKYAT DENGAN MENYEDIAKAN PELBAGAI INFRASTRUKTUR BARU, MEMUDAHCARA PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN, MEMPERKUKUH DASAR TEKNOLOGI HIJAU DAN MEMPELBAGAI PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BAGI MENCAPAI STRATEGI MELAKA MAJU FASA II. KERAJAAN NEGERI BERHARAP INISIATIF-INISIATIF YANG DIGARISKAN SEBENTAR TADI DAPAT MEMACU NEGERI MELAKA KE ARAH MENCAPAI STATUS NEGERI BANDAR BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. INSYA-ALLAH.

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER,

STRATEGI KEDUA:

MENSEJAHTERA RAKYAT DAN MEMBINA KEHIDUPAN BERKUALITI

MEMPERTINGKAT TARAF HIDUP RAKYAT

56. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MEMASTIKAN RAKYAT MENIKMATI KEMAKMURAN, HASIL DARIPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI. UNTUK ITU, KERAJAAN AKAN TERUS MELAKSANA PELBAGAI LANGKAH MERINGANKAN BEBAN KOS

SARA HIDUP, TERUTAMA KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DAN KURANG BERNASIB BAIK.

57. SEHINGGA 30 SEPTEMBER, 2014 KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI TELAH MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 61.48 JUTA RINGGIT BAGI DISALURKAN KEPADA 28,254 PENERIMA YANG LAYAK MENERIMA BANTUAN. KERAJAAN NEGERI TELAH MENYALURKAN BANTUAN KEPADA 7,369 PENERIMA BANTUAN SKIM BANTUAN AM NEGERI DENGAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 11.18 JUTA RINGGIT. MANAKALA KERAJAAN PERSEKUTUAN MENYALURKAN BANTUAN KEPADA 20,885 PENERIMA BANTUAN SKIM BANTUAN PERSEKUTUAN DENGAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 50.3 JUTA RINGGIT. PADA TAHUN 2015, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 15.0 JUTA RINGGIT UNTUK DISALURKAN KEPADA PENERIMA BANTUAN AM NEGERI.

58. PENERIMA BANTUAN INI TERDIRI DARIPADA 11,855 ORANG KELUARGA YANG BERPENDAPATAN RENDAH ATAU IBU/BAPA TUNGGAL, SERAMAI 9,081 ORANG WARGA EMAS DAN SERAMAI 7,318 ORANG DALAM GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA SERTA PESAKIT KRONIK DAN TERLANTAR.

59. KERAJAAN NEGERI JUGA MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 2.0 JUTA RINGGIT BAGI PEMBAYARAN UPAH KEPADA KETUA ISI RUMAH DAN ISI RUMAH MISKIN YANG BEKERJA DI SURAU, MASJID DAN PREMIS-PREMIS DI BAWAH SELIAAN AGENSI KERAJAAN NEGERI YANG DINAMAKAN SEBAGAI PROGRAM KIR MISKIN. PROGRAM INI TELAH MEMBERI MANFAAT KEPADA LEBIH

KURANG 1,600 ORANG KETUA ISI RUMAH YANG TERGOLONG DALAM KATEGORI MISKIN UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN ISI RUMAH. MULAI TAHUN 2015, PERUNTUKAN INI AKAN DIURUSKAN SECARA BERSAMA OLEH PERBADANAN MELAKA HOLDINGS DAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM).

PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI AKSES PENDIDIKAN

60. KERAJAAN NEGERI MEMBERI PENEKANAN DAN TUMPUAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN UNTUK MEMBINA SUMBER MANUSIA YANG BERDAYA SAING MELALUI BANTUAN KEWANGAN DAN PRASARANA. SEBAGAI USAHA MEMBANGUNKAN MODAL INSAN DALAM AKSES PENDIDIKAN BERKUALITI KEPADA ANAK BANGSA, KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN PERUNTUKAN KEWANGAN MELIPUTI:

PERTAMA : BANTUAN KEWANGAN SEPERTI BIASISWA, DERMASISWA, PINJAMAN PENDIDIKAN, BANTUAN PELAJAR SEKOLAH, BANTUAN KEWANGAN KE IPT, ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG SERTA BANTUAN TAMBANG BERJUMLAH 22.6 JUTA RINGGIT;

KEDUA : BANTUAN TUISYEN ASRAMA, SEKOLAH ASRAMA HARIAN DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN MELAKA YANG DIANGGARKAN BERJUMLAH 1.0 JUTA RINGGIT; DAN

KETIGA : PROJEK SAMBUNG, MENAIKTARAF DAN PENYELENGGARAAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI BAWAH JABATAN AGAMA ISLAM SEJUMLAH 6.1 JUTA RINGGIT.

PERUMAHAN AWAM UNTUK RAKYAT

61. KERAJAAN NEGERI BERUSAHA UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK DALAM MENYEDIAKAN PERUMAHAN YANG SELESA, BERKUALITI SERTA MAMPU MILIK UNTUK SEMUA GOLONGAN YANG BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDERHANA, MELALUI PERLAKSANAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK (PPM).

62. KERAJAAN NEGERI MELAKA TELAH MENGEMUKAKAN SEBANYAK ENAM TAPAK LAGI UNTUK KELULUSAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA BAGI PEMBINAAN PPR IAITU PPR KG. TUN KUDU, PPR AYER MOLEK DARAT, PPR BUKIT RAMBAI, PPR SG UDANG, PPR SG. PUTAT FASA II DAN PPR PULAU GADONG FASA II.

63. KERAJAAN NEGERI JUGA MEMOHON PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA (PPA1M) UNTUK DIBINA DI NEGERI MELAKA. LOKASI YANG DICADANGKAN ADALAH DI BATU BERENDAM DAN TANJUNG MINYAK. ADALAH DIHARAPKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAPAT MEMBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA AGAR KEBAJIKAN PENJAWAT-PEJAWAT AWAM DI NEGERI MELAKA DAPAT DITINGKATKAN DAN SETERUSNYA

MEMILIKI RUMAH KEDIAMAN YANG SELESA SERTA MAMPU MILIK.

64. LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA AKAN MENERUSKAN KERJASAMA DENGAN BEBERAPA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI SEPERTI PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA, YAYASAN MELAKA, PERBADANAN KETUA MENTERI, PERBADANAN KEMAJUAN TANAH DAN ADAT MELAKA, PR1MA MALAYSIA BERHAD DAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM PERUMAHAN UNTUK RAKYAT. KERAJAAN NEGERI JUGA MERANCANG PROJEK PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI MELAKA DENGAN MENETAPKAN SASARAN UNTUK MEMBINA 10,000 UNIT RUMAH MAMPU MILIK DENGAN HARGA JUALAN RUMAH DITETAPKAN DIBAWAH RM150,000.00 SEUNIT BAGI GOLONGAN BERPENDAPATAN SEDERHANA MENJELANG 2015.

65. KERAJAAN NEGERI AKAN BEKERJASAMA DENGAN PR1MA BERHAD UNTUK MEMBANGUNKAN DAN MEMBINA PROJEK PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK DI BAWAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA (PR1MA) DI NEGERI MELAKA. PROJEK INI MASIH DIPERINGKAT PERANCANGAN DAN AKAN DIBINA BERKONSEPKAN RUMAH PANGSAPURI DI PADANG TEMU DAN TAMAN RUMPUN BAHAGIA, BACHANG.

66. SELAIN ITU, KERAJAAN NEGERI MELALUI YAYASAN MELAKA TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN JUAL BELI TANAH SELUAS 10 HEKTAR DENGAN SYARIKAT PERUMAHAN

NEGARA BERHAD (SPNB) BAGI PROJEK PEMBINAAN RUMAH IMPIAN RAKYAT DI MUKIM KESANG, JASIN. SPNB TELAH MEMBELI TANAH SELUAS 10 HEKTAR DENGAN HARGA 3.62 JUTA RINGGIT DARIPADA YAYASAN MELAKA DAN AKAN MEMBINA 258 BUAH KEDIAMAN YANG DITAWARKAN PADA HARGA 150 – 350 RIBU RINGGIT MENGIKUT JENIS KEDIAMAN. PEMBINAAN PERUMAHAN TERSEBUT MENUNJUKKAN KEPRIHATINAN KERAJAAN KEPADA SEMUA GOLONGAN MASYARAKAT TIDAK KIRA KAUM DAN AGAMA YANG BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN.

MEMPERGIAT SEKTOR PERTANIAN DAN PERTERNAKAN

67. SEKTOR PERTANIAN TURUT MEMBERI IMPAK YANG BESAR KEPADA PENDAPATAN DAN KESTABILAN SOSIO-EKONOMI DI NEGERI MELAKA. KEMAJUAN SEKTOR PERTANIAN DAN PERTERNAKAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA MODAL INSAN IAITU SUMBER MANUSIA YANG CEKAP MENGURUS DAN BERKEMAHIRAN MENGENDALIKANNYA BAGI MEMASTIKAN PRODUKTIVITI MENCAPAI TAHAP YANG MAKSIMUM DAN POTENSI HASIL KELUARAN ADALAH MENYAKINKAN PELANGGAN DAN SELAMAT DIMAKAN.

68. PADA TAHUN 2015, KERAJAAN NEGERI AKAN MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 1 JUTA RINGGIT UNTUK MEMBANTU MEMBANGUNKAN INDUSTRI TANAMAN MAKANAN, PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI, PEMBANGUNAN INDUSTRI AGRO TOURISM, PEMBANGUNAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN PENGEMBANGAN SERTA BANTUAN KHIDMAT NASIHAT KEPADA PENGUSAHA. PERUNTUKAN INI DIGUNAKAN

SEPENUHNYA UNTUK MENINGKATKAN HASIL PENGELUARAN DISAMPING MEMBANTU MENGURANGKAN BEBAN YANG TERPAKSA DITANGGUNG OLEH PETANI DISEBABKAN KETIDAKSTABILAN HARGA BARANG INPUT.

69. PADA MASA YANG SAMA, ASPEK KESELAMATAN MAKANAN DAN NUTRISI JUGA PERLU DIBERI PENEKANAN DALAM PENGELUARAN MAKANAN BERKUALITI DAN SELAMAT DIMAKAN. PEMBANGUNAN KOMODITI PERTANIAN BERNILAI TINGGI AKAN DIBERI TUMPUAN UNTUK MEMBOLEHKAN INDUSTRI AGROMAKANAN MEMBERI SUMBANGAN NILAI DITAMBAH YANG LEBIH TINGGI UNTUK MEMACU AKTIVITI EKONOMI.

70. SEKTOR TERNAKAN JUGA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA EKONOMI NEGERI MELAKA. INDUSTRI PENTERNAKAN UNGGAS KHUSUSNYA AYAM, MERUPAKAN INDUSTRI YANG BERKEMBANG MAJU SEHINGGA NEGERI MELAKA MENJADI SALAH SEBUAH NEGERI PENGEKSPORT BAGI DAGING DAN TELUR AYAM. INDUSTRI INI TELAH MENGELUARKAN PRODUK TAMBAH NILAI YANG DIKENALI SEBAGAI 'TELUR BERKUALITI' ATAU *ENRICHED EGGS* SEPERTI '*OMEGA EGGS*' DAN '*SELENIUM EGGS*' SERTA AYAM PROSES BERJENAMA 'FARM BEST'

71. KERAJAAN NEGERI SENTIASA MEMASTIKAN PENGUATKUASAAN ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (2008) DIBERIKAN PENEKANAN SUPAYA ASPEK KEBERSIHAN DAN KAWALAN PENCEMARAN DARI LADANG TERNAKAN AYAM SENTIASA DIPANTAU UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN

BAHAN MAKANAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR SENTIASA TERPELIHARA.

72. KOMODITI LAIN YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA DI DALAM SEKTOR TERNAKAN DI NEGERI MELAKA ADALAH 'PENTERNAKAN RUMINAN' IAITU PEMELIHARAAN LEMBU, KERBAU, KAMBING DAN BEBIRI YANG MENYEDIAKAN BEKALAN BAHAN MAKANAN BERBENTUK DAGING DAN SUSU. IANYA JUGA MAMPU MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN DAN PENAMBAHAN PENDAPATAN KHUSUSNYA KEPADA RAKYAT YANG TINGGAL DI KAWASAN LUAR BANDAR. KERAJAAN NEGERI MELALUI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MENYEDIAKAN PROGRAM-PROGRAM BERBENTUK BIMBINGAN DAN BANTUAN KEPADA GOLONGAN PENTERNAK INI UNTUK DIBANGUNKAN SEBAGAI USAHAWAN TERNAK BERSKALA SEDERHANA DAN KOMERSIAL. INI SEKALIGUS MENJADIKAN BIDANG PENTERNAKAN SEBAGAI PEKERJAAN UTAMA YANG MAMPU MENJANA PENDAPATAN DAN MENUKARKAN TANGGAPAN MASYARAKAT YANG SELAMA INI MENGANGGAP IANYA HANYA SEBAGAI PEKERJAAN SAMPINGAN SAHAJA. PENTERNAKAN LEMBU TENUSU AMAT BERPOTENSI DIUSAHAKAN KERANA IANYA MAMPU MENJANA PENDAPATAN SEHINGGA RM4,000 SEBULAN DENGAN SKALA PENTERNAKAN YANG SEDERHANA.

73. KOMODITI TERNAKAN LAIN YANG AKAN DIBERIKAN TUMPUAN UNTUK DIKOMERSIALKAN ADALAH PENTERNAKAN RUSA, PUYUH, AYAM KAMPUNG DAN INDUSTRI HILIRAN BERASASKAN TERNAKAN. KERAJAAN JUGA SEDANG MENERAPKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI YANG BERSESUAIAN

DAN AMALAN PERLADANGAN YANG BAIK KE DALAM SEKTOR TERNAKAN SUPAYA DAPAT MEMPERBAIKI PRODUKTIVITI BIDANG PENTERNAKAN DAN MEMINIMAKAN PENCEMARAN KEPADA ALAM SEKITAR.

74. SEHUBUNGAN ITU, PADA TAHUN 2015, KERAJAAN NEGERI AKAN MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 1.2 JUTA RINGGIT UNTUK MEMBANTU DALAM PEMESATAN DAN PENGEMBANGAN VETERINAR SERTA KAWALAN PENYAKIT. SEMOGA PERUNTUKAN INI DAPAT MEMBERI MANFAAT KEPADA PENGUSAHA-PENGUSAHA DALAM SEKTOR TERNAKAN DI NEGERI MELAKA.

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN KEPADA BAKAL-BAKAL USAHAWAN

75. KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENJADIKAN NEGERI MELAKA LEBIH BERDAYA TAHAN DAN BERDAYA SAING. USAHAWAN-USAHAWAN TEMPATAN MESTILAH MELENGKAPKAN DIRI DAN BERUSAHA LEBIH GIGIH UNTUK MENGHARUNGI PERSAINGAN DAN CABARAN MASA KINI. KERAJAAN NEGERI MELALUI PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA (PKNM) BERPERANAN DI DALAM MENYEDIAKAN PREMIS PERNIAGAAN YANG LEBIH SELESA DAN TERATUR KEPADA BUMIPUTERA UNTUK MENYEWA ATAU MEMILIKINYA PADA KADAR HARGA YANG BERPATUTAN DAN MENGIKUT KEMAMPUAN.

76. PADA TAHUN 2015, PKNM TELAH MEMOHON BEBERAPA PROJEK UNTUK PERTIMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DALAM MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN. ANTARANYA ADALAH MELAKA HALAL HUB FASA II YANG DIANGGARKAN BERNILAI 43 JUTA RINGGIT, PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KERJA TANAH BAGI INDUSTRI LIPAT KAJANG DAERAH JASIN DIANGGARKAN BERNILAI 109 JUTA RINGGIT DAN IKS DUYONG FASA III DIANGGARKAN BERNILAI 2.7 JUTA RINGGIT.

77. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MERANGKA DASAR DAN STRATEGI UNTUK MEMBANTU GOLONGAN BUMIPUTERA DENGAN HARAPAN UNTUK MELETAKKAN MEREKA DI ATAS LANDASAN YANG KUKUH BAGI MENGHADAPI MASA HADAPAN YANG LEBIH MENCABAR. KERAJAAN MENYERU AGAR USAHAWAN-USAHAWAN SEDIA ADA INI TERUS BERDAYA SAING, MEMPELOPORI TEKNOLOGI BARU DAN MENGAMBIL PELUANG SERTA RUANG YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN PERNIAGAAN MASING-MASING.

PERUNTUKAN BAGI HAL EHWAL BUKAN ISLAM

78. ORANG ISLAM YANG MENGAMALKAN AJARAN ISLAM SEBENAR AKAN SENTIASA MENGHORMATI PENGANUT-PENGANUT AGAMA LAIN. APATAH LAGI DI NEGERI MELAKA YANG RAKYATNYA BERBILANG KAUM DAN MENGANUTI PELBAGAI AGAMA. KETIKA ZAMAN RASULULLAH SAW, TELAH BERLAKU APABILA JENAZAH SEORANG YAHUDI YANG SEMASA HAYATNYA MEMUSUHI ISLAM, MEMAKI HAMUN DAN MEMBALING

NAJIS KEPADA RASULULLAH MENINGGAL DUNIA, RASULULLAH SAW BANGUN, TUNDUK DAN DIAM KETIKA LALU JENAZAH YAHUDI ITU DI HADAPANNYA. INILAH YANG HENDAK SAYA BAYANGKAN KEPADA RAKYAT BAHAWA KERAJAAN NEGERI TIDAK PERNAH MENKESAMPINGKAN PERUNTUKAN UNTUK MASYARAKAT BUKAN ISLAM DALAM SETIAP BAJET YANG DISEDIAKAN. PADA TAHUN 2015, KERAJAAN MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 150 RIBU RINGGIT UNTUK DISUMBANGKAN KEPADA MASYARAKAT BUKAN ISLAM BAGI MENAMPUNG PENGANJURAN PROGRAM BERBENTUK KEAGAMAAN DAN PERAYAAN TAHUNAN SEPERTI SAMBUTAN PESTA TAHUN BARU CINA, SAMBUTAN PESTA HARI DEEPAVALI, MAJLIS PERINGATAN SANT BABA (GURDWARA SAHIB), FIESTA SAN PEDRO DAN SEBAGAINYA.

PEMBANGUNAN NEGERI SELAMAT

79. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS KOMITED DALAM MEMELIHARA KESELAMATAN DAN KENTENTERAMAN AWAM. USAHA PENCEGAHAN JENAYAH AKAN TERUS DIPERGIATKAN DENGAN PENGLIBATAN SEMUA AGENSI YANG BERKAITAN AGAR KADAR JENAYAH DAPAT DIKURANGKAN. OLEH ITU KERAJAAN NEGERI AKAN MENYEDIAKAN PERUNTUKAN AWALAN SEJUMLAH 100 RIBU RINGGIT UNTUK DISALURKAN KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM USAHA PENCEGAHAN JENAYAH TERMASUK MENGGALAKKAN PENUBUHAN KUMPULAN RUKUN TETANGGA.

80. SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN TELAH PUN MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH DALAM PROGRAM BANDAR SELAMAT. PELAKSANAAN PROGRAM INI DIJADIKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA FUNGSI SEDIA ADA PBT SEPERTI PEMBERSIHAN KAWASAN SEMAK, PENYEDIAAN KEMUDAHAN KESELAMATAN DAN PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP DI KAWASAN PERNIAGAAN DAN TEMPAT AWAM. SEMUA LANGKAH INI DILAKSANAKAN ADALAH UNTUK MEMASTIKAN MASYARAKAT BERASA SELAMAT DAN MEMBERI IMEJ YANG BAIK KEPADA PELANCONG SERTA PELABUR.

81. OPERASI MEMBANTERAS MESIN JUDI HARAM DAN SKIM GORES DAN MENANG AKAN TERUS MENJADI PERHATIAN UTAMA KERAJAAN NEGERI. PENGUATKUASAAN AKAN DIGERAKKAN DENGAN LEBIH AKTIF DAN AGRESIF LAGI DENGAN KERJASAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA, PIHAK BERKUASA TEMPATAN, PEJABAT PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN SERTA AGENSI-AGENSI BERKAITAN. KERAJAAN NEGERI TIDAK AKAN DAN TIDAK PERNAH BERLEMBUT DALAM USAHA MEMERANGI KEGIATAN TIDAK BERMORAL INI MALAHAN AKAN TERUS MENGGEMPUR SARANG-SARANG PERJUDIAN HARAM DAN SKIM GORES DAN MENANG YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN

82. SEIRING DENGAN USAHA MEMPROMOSIKAN GAYA HIDUP SIHAT, KERAJAAN NEGERI MELALUI PROGRAM MELAKA BEBAS

ASAP ROKOK TELAH MEMPERLUASKAN KAWASAN-KAWASAN LARANGAN MEROKOK TERUTAMANYA DI KAWASAN TUMPUAN PELANCONGAN. DI SAMPING ITU, KERAJAAN NEGERI BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN AKAN TERUS MENYEDIAKAN PERUNTUKAN BAGI MENAMPUNG PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT DENGGI, DAN PROGRAM KAWALAN TIKUS. KERAJAAN MENYERU ORANG RAMAI UNTUK SAMA-SAMA TERLIBAT DALAM PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIRANCANG INI KERANA TANPA KERJASAMA DARIPADA MASYARAKAT AMAT MUSTAHIL SEGALA PERANCANGAN YANG TELAH DIBUAT DAPAT DILAKSANAKAN.

83. SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG AMAT PRIHATIN KEPADA KEPERLUAN RAKYAT DALAM MENDAPAT PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG BERKUALITI, KERAJAAN NEGERI TELAH MENUBUHKAN TABUNG KESIHATAN PADA TAHUN 2013 BAGI MEMBANTU GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN. ANTARA TUJUAN TABUNG INI DITUBUHKAN ADALAH UNTUK MEMBANTU MENAMPUNG BAYARAN CAJ WAD HOSPITAL BAGI PESAKIT YANG KURANG BERKEMAMPUAN DI MANA RAWATAN TERSEBUT TIDAK DISEDIAKAN DI HOSPITAL KERAJAAN, MEMBIAYAI SEBAHAGIAN KOS PEMBELIAN UBAT-UBATAN YANG TIDAK DIBEKALKAN OLEH HOSPITAL KERAJAAN DAN MEMBIAYAI SEBAHAGIAN KOS PEMBELIAN PERALATAN PERUBATAN YANG TIDAK DIBEKALKAN OLEH HOSPITAL KERAJAAN.

84. SEMASA PENUBUHAN TABUNG INI, SEJUMLAH 339 RIBU RINGGIT TELAH BERJAYA DIKUMPUL HASIL SUMBANGAN DARIPADA PELBAGAI AGENSI KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA. SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2014, TABUNG INI MASIH BERBAKI 325 RIBU RINGGIT. DIHARAPKAN TABUNG INI AKAN TERUS MEMBERI MANFAAT KEPADA PESAKIT-PESAKIT YANG KURANG BERKEMAMPUAN BAGI MENDAPATKAN PERKHIDMATAN RAWATAN KESIHATAN.

85. SELAIN ITU, YAYASAN TOH PUAN ZURINA SEBUAH YAYASAN YANG DITUBUHKAN ATAS CETUSAN IDEA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL YAAKOB, YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA UNTUK MEMBANTU RAKYAT MISKIN YANG MENGIDAP PENYAKIT BUAH PINGGANG BAGI MENDAPATKAN RAWATAN DIALISIS SECARA PERCUMA. YAYASAN INI TELAH MULA BEROPERASI PADA PENGHUJUNG TAHUN 2009 DAN SEHINGGA KINI MEMPUNYAI 20 ORANG PESAKIT DAN 10 BUAH MESIN DIALISIS. PERKHIDMATAN INI TELAH MEMBERI MANFAAT KEPADA PESAKIT BUAH PINGGANG YANG TIDAK BERKEMAMPUAN UNTUK MENDAPATKAN RAWATAN DI SINI.

86. DI KESEMPATAN INI, KERAJAAN NEGERI SEKALI LAGI INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL YAAKOB, YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA KERANA TELAH MEMBERI NASIHAT DAN SOKONGAN YANG JITU DALAM PENUBUHAN YAYASAN INI. TIDAK LUPA JUGA KEPADA AHLI LEMBAGA PENGARAH YAYASAN TOH PUAN ZURINA, PENYUMBANG-

PENYUMBANG DAN KAKITANGAN-KAKITANGAN YAYASAN YANG SAMA-SAMA MEREALISASIKAN IMPIAN MURNI INI.

MEMARTABAT PERANAN WANITA

87. MENYEDARI PENTINGNYA PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGERI TERCINTA INI, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 150 RIBU RINGGIT DI BAWAH PORTFOLIO WANITA DAN PEMBANGUNAN KELUARGA UNTUK MENGANJURKAN PELBAGAI PROGRAM YANG TELAH DIRANCANG TERMASUK SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT NEGERI MELAKA.

88. DI SAMPING ITU, BAGI MENGHARGAI SUMBANGAN DAN JASA WANITA YANG BERKHIDMAT SEBAGAI PENJAWAT AWAM DAN JUGA PENGORBANAN ISTERI-ISTERI WAKIL RAKYAT, KERAJAAN NEGERI BERSETUJU UNTUK MENYUMBANG SEJUMLAH 100 RIBU RINGGIT MASING-MASING KEPADA PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA NEGERI MELAKA ATAU SINGKATANNYA PUSPANITA NEGERI MELAKA DAN BADAN AMAL KEBAJIKAN ISTERI WAKIL-WAKIL RAKYAT NEGERI MELAKA ATAU SINGKATANNYA BISTARI UNTUK MENGANJURKAN PROGRAM-PROGRAM AMAL DAN BANTUAN KEBAJIKAN KEPADA AHLI-AHLI YANG MEMERLUKAN.

MEMPERKASA PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

89. NEGERI MELAKA SUDAH DIKTIRAF SEBAGAI NEGERI BELIA APABILA BANYAK ACARA BELIA SAMA ADA DI PERINGKAT NEGERI DAN ANTARABANGSA DIADAKAN DI NEGERI INI. KITA JUGA BERBANGGA KERANA DI MELAKA TERDAPAT SEBUAH PERTUBUHAN DUNIA YANG BERPENGKALAN DI AYER KEROH IAITU PERTUBUHAN BELIA DUNIA ATAU *WORLD ASSEMBLY OF YOUTH (WAY)* YANG MANA SAYA SENDIRI BERTINDAK SEBAGAI PRESIDENNYA. JIKA KITA SOROT SEJARAH, RAMAI DALAM KALANGAN PEMIMPIN DI MELAKA LAHIR HASIL KEGIATAN DALAM PERTUBUHAN BELIA. KERAJAAN NEGERI TIDAK PERNAH MELUPAKAN GOLONGAN BELIA YANG MERUPAKAN PEWARIS MASA DEPAN NEGARA. SESUNGGUHNYA SEGALA PERANCANGAN DAN HALA TUJU YANG TELAH DIRANGKA DAN DILAKSANAKAN AKAN DIWARISI OLEH GENERASI AKAN DATANG. GOLONGAN BELIA ADALAH TUNJANG KEKUATAN NEGARA. DENGAN ITU, KERAJAAN NEGERI AKAN MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 200 RIBU RINGGIT DI BAWAH PORTFOLIO BELIA BAGI MENGANJURKAN PROGRAM DAN FIESTA YANG BERFAEDAH UNTUK MENGISI MASA LAPANG GOLONGAN BELIA.

90. SUKAN PULA MEMAINKAN PERANAN PENTING DI DALAM MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT TIDAK KIRA DI KAWASAN BANDAR ATAU LUAR BANDAR. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MEMOHON PERUNTUKAN DARIPADA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN UNTUK MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN SUKAN SEPERTI

GELANGGANG FUTSAL DAN PUSAT KOMUNITI BAGI TUJUAN RAKYAT UNTUK BERIADAH DAN BERSUKAN.

91. PROMOSI AKAN DIPERGIATKAN UNTUK MENGGALAKKAN RAKYAT MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SUKAN SEDIA ADA DI KOMPLEKS SUKAN HANG JEBAT DENGAN BAYARAN YANG BERPATUTAN SEPERTI KOLAM RENANG, GELANGGANG SKUASY DAN PADANG BOLA SEPAK. DI SAMPING ITU, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MELOBI PENGANJUR-PENGANJUR SUKAN BERTARAF DUNIA UNTUK TERUS MENGANJURKAN ACARA-ACARA SUKAN BERTARAF DUNIA DI NEGERI MELAKA SEPERTI PERLUMBAAN “*LE TOUR DE LANGKAW*”.

92. BAGI TERUS MENYEMARAKKAN SEMANGAT JUANG ATLET-ATLET YANG MEWAKILI NEGERI MELAKA DI KEJOHANAN SUKAN MALAYSIA ATAUPUN LAIN-LAIN SUKAN BERTARAF ANTARABANGSA, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENYALURKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 2 JUTA RINGGIT KEPADA MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA BAGI MENAMPUNG PEMBAYARAN ELAUN ATLET, ELAUN JURULATIH, BAYARAN INSENTIF KEMENANGAN DAN PENYEDIAAN PASUKAN UNTUK MENYERTAI SUKAN MALAYSIA YANG DIANJURKAN PADA SETIAP TAHUN.

93. HARAPAN KERAJAAN NEGERI DAN RAKYAT UNTUK MELIHAT KEMBALI ZAMAN KEGEMILANGAN BOLA SEPAK NEGERI TIDAK PERNAH PUDAR. PELBAGAI USAHA TELAH DIRANCANG DAN DISUSUN BAGI MEMANTAPKAN PENGURUSAN PASUKAN BOLA SEPAK NEGERI MELAKA. SEMOGA SEGALA

USAHA YANG DIRANCANG AKAN MEMBUAHKAN HASIL BAGI MENARIK SEMULA SOKONGAN RAKYAT KEPADA PASUKAN BOLA SEPAK KITA.

94. DI SAMPING DAPAT MENGHARUMKAN NAMA NEGERI, MASA LAPANG RAKYAT JUGA DAPAT DIISI KERANA MEREKA AKAN MEMBAWA KELUARGA UNTUK MENYAKSIKAN PERLAWANAN BOLASEPAK DI STADIUM JIKA PERSEMBAHAN DAN PERMAINAN YANG DITUNJUKKAN DAPAT DITINGKATKAN UNTUK MENJADI SEBUAH PASUKAN YANG DIGERUNI DAN DISEGANI. OLEH ITU, PERUNTUKAN SEJUMLAH 2.5 JUTA RINGGIT DARIPADA SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN NEGERI AKAN DISEDIAKAN PADA TAHUN 2015 KEPADA PERSATUAN BOLA SEPAK NEGERI MELAKA ATAU MUSA BAGI MEMANTAPKAN LAGI PASUKAN BOLA SEPAK NEGERI MELAKA.

STRATEGI KETIGA:

MENTRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

95. SELARAS DENGAN ASPIRASI KERAJAAN NEGERI UNTUK MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI NEGERI MAJU FASA II, PELBAGAI USAHA TELAH DIRANGKA UNTUK MEMPERKUKUHKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM SUPAYA LEBIH RESPONSIF DAN INOVATIF DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI. KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN PADU RAKYAT KEPADA KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI TIDAK AKAN DIPERSIA-SIAKAN BEGITU SAHAJA.

SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN MENEPATI JANJI, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MEMANTAPKAN LAGI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AGAR LEBIH EFISIEN, EFEKTIF, BERINTEGRITI DAN MUDAH DIDEKATI OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT TANPA MENGIRA LATAR BELAKANG.

96. KERAJAAN AKAN TERUS MEMASTIKAN MUTU KERJA PERKHIDMATAN AWAM DIPERTINGKATKAN SEIRING DENGAN PRINSIP BERKAT, TEPAT DAN CEPAT DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN MELETAKKAN INTEGRITI SEBAGAI NILAI PEGANGAN UTAMA. INTEGRITI BERMULA DARIPADA BERSIKAP AMANAH WALAUPUN DALAM SEKECIL-KECIL PERBUATAN IAITU KEUPAYAAN MELAKUKAN PERKARA BETUL SETIAP MASA BERLANDASKAN PRINSIP BERKAT, TEPAT DAN CEPAT, MESKIPUN IANYA SEKADAR SATU PERBUATAN YANG DIRASAKAN REMEH. FIRMAN ALLAH DALAM SURAH AL-QASAS, AYAT 26, BAHAWA:

قَالَتِ إِحْدَهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ

الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

"SESUNGGUHNYA SEBAIK-BAIK ORANG YANG KAMU BOLEH PILIH UNTUK BEKERJA (UNTUK MU) IALAH ORANG YANG KUAT (BERKEBOLEHAN) LAGI DAPAT DIPERCAYAI (AMANAH)."

97. KERAJAAN NEGERI MELAKA MENJADI KERAJAAN NEGERI PERTAMA YANG MEMBERI KOMITMEN UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI INI KHUSUSNYA ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA YANG TELAH MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT ATAU *CORPORATE INTEGRITY PLEDGE* (CIP). CIP INI AMAT SIGNIFIKAN DAN RELEVAN DENGAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI AGAR ORGANISASI MENCAPAI TAHAP BERPRESTASI TINGGI, CEKAP, MESRA PELANGGAN DAN MENGAMALKAN TADBIR URUS YANG BAIK. CIP TELAH MENERIMA SAMBUTAN MENGGALAKKAN APABILA SEJUMLAH 21 JABATAN DAN AGENSI NEGERI MELAKA TELAH MENANDATANGANI CIP.

98. BAGI MENAMBAHBAIK SISTEM PENGURUSAN DAN PENYAMPAIAN YANG BERINTEGRITI DIKALANGAN PENJAWAT AWAM, KERAJAAN NEGERI TELAH MELAKSANAKAN PERAKAM MASA AUTOMATIK MENGGUNAKAN IMBASAN IBU JARI ATAU *PUNCTUALITY CASCADING REPORTING SYSTEM* YANG DIPERKENALKAN PADA 7 MAC, 2014 DALAM USAHA MEMUPUK KETEPATAN MASA BEKERJA DI KALANGAN PENJAWAT AWAM. LANGKAH ITU BERTUJUAN MEMBENTUK BUDAYA KETEPATAN MASA DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DI NEGERI INI SUPAYA LEBIH BERDISIPLIN DAN BERTANGGUNGJAWAB.

99. SELAIN ITU, KERAJAAN NEGERI TELAH MEWUJUDKAN UNIT INTEGRITI DI JABATAN KETUA MENTERI MELAKA YANG DIKETUAI OLEH SEORANG PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M48 DAN DIBANTU OLEH SEORANG PEGAWAI SIASATAN GRED P44 DARIPADA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH

MALAYSIA (SPRM). DENGAN PENUBUHAN UNIT INI, IANYA DAPAT MEMANTAPKAN LAGI INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DAN JUGA MEMBANTU MENGURANGKAN GEJALA PENYALAHGUNAAN KUASA SERTA WANG AWAM.

100. KERAJAAN NEGERI TELAH BERJAYA MEWUJUDKAN ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC) SEJAK TAHUN 2003 YANG DIILHAMKAN OLEH KETUA MENTERI MELAKA KE-9 IAITU YBHG. SENATOR TAN SRI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM DAN BEROPERASI SEPENUHNYA PADA TAHUN 2010. ONCC MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENYAMBUNGAN PANGGILAN ANTARA JABATAN-JABATAN KERAJAAN DAN MENAWARKAN PERKHIDMATAN SERTA MEMBERIKAN BANTUAN KEPADA PELANCONG, PELABUR DAN RAKYAT MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI NEGERI MELAKA. BERTITIK DARIPADA ITU, KERAJAAN PERSEKUTUAN TURUT MEMPERKENALKAN 1MALAYSIA ONE CALL CENTRE ATAU 1MOCC. PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH 1MOCC ADALAH MIRIP KEPADA PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH ONCC DI NEGERI MELAKA.

101. KERAJAAN YAKIN PENJAWAT AWAM AKAN TERUS MEMPERTINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN DALAM MEMASTIKAN AGENDA PEMBANGUNAN NASIONAL MENJADI KENYATAAN. SEBAGAI BUKTI KETELUSAN DAN KOMITMEN PEGAWAI-PEGAWAI, KERAJAAN NEGERI SEKALI LAGI DIANUGERAHKAN SIJIL BERSIH OLEH JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENGAUDITAN PENYATA AKAUN AWAM NEGERI PADA TAHUN 2013. INI MEMBUKTIKAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN

NEGERI DISTRUKTUR DENGAN REALISTIK DAN BAIK SERTA BERDISIPLIN DALAM URUSAN PERBELANJAAN DANA AWAM.

102. DI DEWAN YANG MULIA INI, SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MERAKAMKAN SYABAS DAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA 8 JABATAN DAN AGENSI YANG TELAH DIBERI PENGIKTIRAFAN TERTINGGI IAITU ANUGERAH 4 BINTANG DENGAN MARKAH MELEBIHI 90% DALAM INDEKS AKAUNTABILITI KEWANGAN YANG DILAKSANAKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI MELAKA. JABATAN DAN AGENSI BERKENAAN ADALAH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI, PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA, MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA, PERBADANAN MUZIUM MELAKA, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN. DIHARAPKAN PADA MASA HADAPAN, AKAN LEBIH BANYAK JABATAN DAN AGENSI YANG AKAN MENCAPAI TARAF 4 BINTANG DALAM PENGAUDITAN TERSEBUT.

103. SEHUBUNGAN ITU, SUKACITA SAYA MAKLUMKAN, KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENGIKTIRAF JABATAN-JABATAN YANG MEMPEROLEHI 4 BINTANG DENGAN PEMBERIAN SUMBANGAN SEJUMLAH 8 RIBU RINGGIT KEPADA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN BERKENAAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI DAN PROGRAM YANG TELAH DIRANCANG. PEMBERIAN SUMBANGAN INI ADALAH SAMA SEPERTI TAHUN LEPAS. SEMOGA PEMBERIAN INI AKAN TERUS MEMBERI SEMANGAT KEPADA JABATAN-JABATAN TERSEBUT UNTUK MEMPERTAHANKAN PENGIKTIRAFAN INI. KEPADA JABATAN

YANG MASIH BELUM MENCAPAI TARAF 4 BINTANG, USAHALAH DENGAN LEBIH GIGIH UNTUK MENCAPAI PENANDA ARAS YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA.

KAJIAN SEMULA PERJAWATAN DI JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN

104. KERAJAAN BERSETUJU BEBERAPA PERJAWATAN DI JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN PERLU DISEMAK SEMULA DAN DINAIK TARAF AGAR BERSESUAIAN DENGAN STATUS NEGERI MAJU DAN BIDANG TUGAS YANG SEMAKIN MENCABAR. KERAJAAN NEGERI MELALUI BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KETUA MENTERI MELAKA TELAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN KEPADA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) UNTUK MENKKAJI SEMULA GRED JAWATAN KETUA JABATAN DI NEGERI MELAKA.

105. DI ANTARA JABATAN-JABATAN TERSEBUT ADALAH JABATAN KERJA RAYA NEGERI MELAKA, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI MELAKA DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA. DI SAMPING SEMAKAN SEMULA GRED JAWATAN KETUA JABATAN, KERAJAAN NEGERI JUGA BERHARAP JAWATAN-JAWATAN LAIN DI JABATAN BERKENAAN DISEMAK SEMULA DAN DIBERI PERTIMBANGAN YANG SEWAJARNYA OLEH JPA BAGI MEWUJUDKAN SATU PERKHIDMATAN AWAM YANG SISTEMATIK DAN BERPRESTASI TINGGI DI NEGERI MELAKA. INI AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN LAGI KUALITI DAN

MENTRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA RAKYAT JELATA DI SAMPING DAPAT MEMANTAPKAN LAGI JABATAN YANG DITUGASKAN UNTUK MENGUTIP HASIL.

106. DI SAMPING ITU, JPA SEDANG MELAKSANAKAN KAJIAN SEMULA KE ATAS MODEL PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA SERTA PEJABAT-PEJABAT UTAMA DI BAWAH TANGGUNGJAWAB TERUS SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI. OBJEKTIF UTAMA KAJIAN INI ADALAH UNTUK MENAMBAHBAIK LALUAN KERJAYA, PELUANG KENAIKAN PANGKAT, MOBILITI PEGAWAI DAN MEMASTIKAN AGENSI DIBEKALKAN DENGAN STRUKTUR ORGANISASI YANG RELEVAN, EFEKTIF DAN EFISYEN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS SEMASA, FUNGSI BAHARU SERTA DALAM MENGHADAPI CABARAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN MASA HADAPAN.

PENYELENGGARAAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI

107. BAGI MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG SELESA DAN KONDUSIF, KERAJAAN NEGERI AKAN MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH 1 JUTA RINGGIT KEPADA JABATAN KERJA RAYA NEGERI MELAKA BAGI TUJUAN MENYELENGGARA DAN MENAIKTARAF PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN NEGERI. SELAIN MEMBERI KESELESAAN DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENJAWAT AWAM, IANYA JUGA AKAN MEMBERI IMEJ YANG BAIK KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN YANG BERURUSAN DI JABATAN KERAJAAN.

MEMPERKEMAS HALATUJU ANAK SYARIKAT / AGENSI MILIK KERAJAAN NEGERI

108. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MEMBERI PERHATIAN KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT YANG DITUBUHKAN. SETIAP ANAK SYARIKAT YANG DITUBUHKAN PERLU BERUSAHA DENGAN GIGIH BAGI MEMANTAPKAN KUTIPAN HASIL UNTUK MENJAMIN KELANGSUNGAN PERJALANAN AGENSI. DI SAMPING ITU, KEUPAYAAN AGENSI UNTUK MENARIK PELABURAN BERIMPAK TINGGI KE NEGERI MELAKA HARUS DIPERTINGKATKAN SEIRING DENGAN TUJUAN ASAL PENUBUHAN ANAK-ANAK SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN.

109. SUDAH TIBA MASANYA, ANAK-ANAK SYARIKAT MELIHAT KEMBALI STRUKTUR DAN HALATUJU SYARIKAT SUPAYA SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI DAN PERMINTAAN PASARAN. PERATURAN-PERATURAN LAPUK PERLU DIKAJI SEMULA, KPI YANG DITETAPKAN PERLU REALISTIK, SYARIKAT PERLU BERDAYA SAING SEPerti SYARIKAT SWASTA, MENGGALAKKAN PEMBINAAN MODAL INSAN BAGI MENERAJUI SYARIKAT, MEMPELBAGAIKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG BOLEH MENJANA PENDAPATAN SAMPINGAN SERTA MEMBINA 'NETWORKING' DENGAN PIHAK SWASTA.

110. DI SAMPING ITU, SEMUA ANAK SYARIKAT PERLU MEWUJUDKAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PEMERIKSAAN SERTA UNIT AUDIT DALAM SUPAYA PENGURUSAN DAN OPERASI DAPAT DIPANTAU DAN DITAMBAH BAIK. AGENSI TURUT WAJIB

MENGAMALKAN *INTEGRITY PACT* DAN JUGA *CORPORATE INTEGRITY PLEDGE* SERTA MENERIMA PAKAI KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA (SEMAKAN 2007) YANG DIKELUARKAN OLEH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA.

111. KERAJAAN NEGERI AMAT YAKIN DAN PERCAYA PRESTASI KEWANGAN, TADBIR URUS DAN PENGURUSAN PROJEK AGENSI DAN ANAK SYARIKAT MASIH BOLEH DIPERTINGKATKAN KE TAHAP YANG LEBIH CEMERLANG. DENGAN INI, IANYA DAPAT MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN AGENSI KEPADA KERAJAAN NEGERI. SEHUBUNGAN ITU, HALATUJU AGENSI DAN ANAK SYARIKAT PERLU DITAMBAH BAIK DAN DIPERKEMASKAN SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN NEGERI UNTUK MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI SERTA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT.

MENGHARGAI SUMBANGAN PENJAWAT AWAM

112. BERDASARKAN SOKONGAN PADU PENJAWAT AWAM DALAM MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA DAN SEJAJAR DENGAN PENGUMUMAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI DALAM PEMBENTANGAN BAJET 2015, KERAJAAN NEGERI AKAN TURUT MEMBERI BONUS SETENGAH BULAN GAJI ATAU MINIMUM 500 RINGGIT YANG AKAN DIBAYAR BERSAMA-SAMA DENGAN GAJI BULAN JANUARI 2015. SEMOGA PEMBERIAN BONUS INI DAPAT MEMBANTU MERINGANKAN BEBAN PENJAWAT AWAM, TETAPI BERBELANJALAH SECARA BERHEMAH.

113. KERAJAAN NEGERI SEDAR BAHAWA ELAUN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLU DIKAJI SEMULA AGAR SETIMPAL DENGAN BEBAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG PERLU DIPIKUL DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT. OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN NEGERI BERSETUJU UNTUK MENKAJI SEMULA ELAUN-ELAUN YANG DITERIMA OLEH SEMUA WAKIL RAKYAT TERMASUK WAKIL RAKYAT PEMBANGKANG.

PENUTUP

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER,

114. KEAMANAN DAN KEMAKMURAN SESEBUAH NEGARA ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA. UNTUK INI, KERAJAAN MEMERLUKAN PERSEFAHAMAN DAN PERANAN KONSTRUKTIF SEMUA LAPISAN MASYARAKAT, TERMASUK MEREKA YANG BERBEZA FAHAMAN POLITIK. MARILAH KITA BERSATU MEMBINA SEBUAH NEGERI BANGSA YANG TERUS GEMILANG. KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MELABUR DALAM MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR, PEMBANGUNAN MODAL INSAN CEMERLANG, BAYARAN BANTUAN KEBAJIKAN, PEMBUKAAN KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI BARU, PENDIDIKAN DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN.

115. DENGAN PELABURAN INI, EKONOMI NEGERI DAPAT DIRANCAKKAN DAN YANG PALING PENTING HASIL KEKAYAAN DI BUMI BERTUAH INI DAPAT DINIKMATI OLEH SEMUA PIHAK.

116. SEKALI LAGI SAYA MENYERU RAKYAT NEGERI MELAKA UNTUK SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGERI TERCINTA INI. MARILAH KITA BERGANDING BAHU, BERSATU HATI DEMI KEAMANAN, KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN SEMUA. KITA SEHARUSNYA MENYEDARI BETAPA INDAHNYA KONSEP KESEJAGATAN PERDAMAIAN DAN KEAMANAN TANPA KEKACAUAN DAN GANGGU GUGAT. KEPADA WAKIL RAKYAT PEMBANGKANG, JANGANLAH ASYIK BERPELUK TUBUH DAN MENUNDING JARI UNTUK MENYALAHKAN PIHAK KERAJAAN. BERPOLITIKLAH SECARA MATANG DAN PENUH BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI PETIKAN KATA-KATA PENDAKWAH TERSOHOR MALCOLM X :-

“DON'T BE IN SUCH A HURRY TO CONDEMN A PERSON BECAUSE HE DOESN'T DO WHAT YOU DO, OR THINK AS YOU THINK OR AS FAST. THERE WAS A TIME WHEN YOU DIDN'T KNOW WHAT YOU KNOW TODAY”* ATAU *“JANGAN TERBURU-BURU UNTUK MENCEMUH SESEORANG HANYA KERANA DIA TIDAK MELAKUKAN APA YANG KAMU LAKUKAN ATAU FIKIR SEPERTI APA YANG KAMU FIKIRKAN SECARA CEPAT. ADA WAKTUNYA, KAMU TIDAK MENYEDARI PENGALAMAN YANG KAMU TEMPUHI HARI INI .”

117. BAJET YANG DIRANGKA INI DIHARAPKAN MEMENUHI SEGENAP SPEKTRUM DAN DIMENSI KEPERLUAN RAKYAT DI NEGERI MELAKA. BAJET INI ADALAH BAJET SEIMBANG DAN INSYA-ALLAH BAJET YANG MEMENUHI HARAPAN RAKYAT. INI ADALAH JANJI KERAJAAN KEPADA RAKYAT DAN BUKANNYA

JANJI-JANJI KOSONG. KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT ADALAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJWAB DAN BERINTEGRITI. KERAJAAN YANG MELETAKKAN HARAPAN RAKYAT DI KEDUDUKAN YANG PALING TINGGI.

118. PADA KESEMPATAN INI, SAYA MERAKAMKAN SETINGGI PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAS SEGALA SOKONGAN, BANTUAN DAN PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN KEPADA NEGERI MELAKA. TIDAK LUPA JUGA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAUPUN TIDAK DALAM PENYEDIAAN BAJET 2015 INI. SAYA BERHARAP SELURUH WARGA NEGERI MELAKA DAN JUGA WARGA PERKHIDMATAN AWAM AKAN SAMA-SAMA BEKERJASAMA UNTUK MELAKSANAKAN STRATEGI YANG TELAH DIGARISKAN DALAM UCAPAN SAYA SEBENTAR TADI BAGI MEMBAWA MELAKA KE ARAH YANG LEBIH GEMILANG.

119. SEMOGA ALLAH S.W.T. SENTIASA MEMBERIKAN PETUNJUK DAN HIDAYAH KEPADA KITA. SEMOGA KEBENARAN MENGATASI KEPALSUAN. SEMOGA NEGERI KITA DIKEKALKAN AMAN SEJAHTERA, DILIMPAHKAN KEMAKMURAN DAN KEBAHAGIAAN. SEMOGA ANAK CUCU KITA DAPAT MEWARISI SEBUAH NEGERI YANG AMAN LAGI MAKMUR. SEMOGA RAKYAT MELAKA HIDUP BERSATU DAN MAJU. SAYA DOAKAN SEMOGA MAJLIS KITA PADA PAGI INI DIRAHMATI-NYA DAN PERPISAHAN KITA SELEPAS INI DILINDUNGI-NYA JUA.

YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER,

SAYA MOHON MENCADANGKAN.